AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

فليتا برونى

70 TAHUN 1956-2026

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanha, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Barang siapa yang mempunyai kelapangan (mampu) untuk berkorban tetapi dia tidak berkorban, maka janganlah dia datang mendekati tempat kami bersembahyang ini".
(Riwayat Ibnu Majah)

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.08 | DUHA 6.32 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.27 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.14

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 137 | 16 NOVEMBER 2026 / 1448 جمادي الأخير 6 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

MEMPERKUKUH KAPASITI KOLEKTIF ASEAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama para Pemimpin ASEAN menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 di Philippines International Convention Center, Manila. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas (*Lihat muka 4*)

ASEAN PHILIPPINES 2026

Penghayatan doa menaiki kenderaan bentuk jiwa bersyukur, mengingati Allah

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 November. - Doa menaiki kenderaan sebagaimana yang terkandung dalam Surah Az-Zukhruf, ayat 13-14 bukan sekadar bacaan ketika memulakan perjalanan, bahkan mengandungi pengajaran mendalam tentang keagungan Allah yang mengurniakan kenderaan sebagai nikmat besar untuk manusia. Melalui doa ini, umat Islam dididik untuk bersyukur pada Allah.

>> Muka 10

Menyokong kepelbagaian ekonomi, memperkukuh sektor bukan minyak dan gas

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

JERUDONG, Sabtu, 14 November. - Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) terus memainkan peranan penting dalam pembangunan industri hiliran negara sejak memulakan operasinya pada tahun 2022, sekali gus berkembang sebagai antara pengeluar utama baja nitrogen dan bahan kimia industri di Asia Tenggara.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi BFI, dalam ucapan sempena pelancaran Laporan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) pertama BFI yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei, pagi tadi.

>> Muka 8

Majlis Konvokesyen COSMO raikan 439 graduan

Oleh : Nooratini Haji Abas

JERUDONG, Sabtu, 14 November. - Cosmopolitan College of Commerce and Technology (COSMO) hari ini meraikan dua pencapaian penting sempena Majlis Konvokesyen Ke-20 yang diadakan di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

Majlis ini meraikan 439 graduan, di samping memperingati kejayaan bersejarah institusi tersebut yang dinobatkan sebagai 'Pearson BTEC Ambassador of the Year' (Duta Pearson BTEC Tahun Ini) pada Persidangan BTEC Connect Asia Pacific 2026 di Hanoi, Republik Sosialis Viet Nam, pada 11 November 2026.

>> Muka 9

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



FOLKLOR tempatan diangkat melalui *patuturan* warisan

Muka 12



MEMUPUK budaya menghormati, menghargai profesion perguruan

Muka 13



MALAM Prihatin mendukung usaha, perjuangan MKM

Muka 18



TINGKATKAN kesedaran pengurusan ubat secara bertanggungjawab

Muka 20

PELITA BRUNEI

Institut Tahfiz terus komited memartabatkan pendidikan Al-Quran di negara ini

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillahi Rabbil `Alameen.
Wasaalatu Wassalaamu `Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Waman Tabiaahu Biihsani Illa Yaumiddien, Waba'du.

DENGAN penuh hormat dan takzim serta kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, hamba Duli Tuanku, bagi pihak Ahli-ahli Lembaga dan seluruh warga Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sukacita menyembahkan sembah menjunjung kasih atas perkenan Duli Tuanku berangkat ke Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-14 pada pagi ini, seterusnya berkenan mengurniakan sabda dan menyempurnakan penganugerahan sijil Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat yang diiktiraf setaraf dengan Diploma Tertinggi Kebangsaan (Higher National Diploma).

Sesungguhnya, keberangkatan Duli Tuanku amat besar maknanya dan menyemarakkan lagi Majlis Haflut Takharruj ini. Keberangkatan ini bukan sahaja mencerminkan keprihatinan Duli Tuanku terhadap kemajuan pendidikan dan perkembangan Institut, bahkan menjadi sumber dorongan kepada para graduan untuk terus berbakti kepada ugama, raja dan negara.

Abis hamba Duli Tuanku sekalian dengan penuh kesyukuran berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melimpahkan rahmat dan kasih sayang-Nya kepada Duli Tuanku serta kerabat Duli Tuanku, di samping mengurniakan nikmat sihat walafiat dan kebahagiaan yang berkekalan.

Alhamdulillah, sejak kumpulan pertama Program Diploma 'Aliyah Qiraat dianugerahkan sijil pada tahun 2013, Institut telah melahirkan seramai 306 orang graduan, termasuk 38 orang yang diraikan pada tahun ini. Daripada jumlah tersebut, 28 orang memperoleh pangkat mumtaz dan 10 orang memperoleh pangkat jayyid jiddan.

Para graduan pada tahun ini merupakan kumpulan pertama Program Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat bagi sesi pengajian 2023-2026. Penaiktarafan program ini turut memperluas kandungan pengajian, antaranya melalui pengenalan ilmu Dhabt Al-Quran, iaitu ilmu berkaitan tanda, simbol dan baris dalam penulisan mushaf yang membantu memelihara ketepatan bacaan Al-Quran. Modul-modul pengajian turut diperkukuh dan dikemas kini dari segi kandungan bagi memastikan kurikulum yang ditawarkan kekal relevan dan komprehensif. Pemantapan ini meliputi Modul Teras, antaranya Rasm Al-Quran dan Tarannum Bil-Quran, serta Modul Wajib seperti Bahasa Arab, Al-Fiqh Al-Islami wa Usuluh dan Tafsir Al-Quran. Di samping itu, elemen Ko-Kurikulum turut diperkenalkan sebagai salah satu Modul Elektif bagi memperluas pengalaman pembelajaran pelajar serta menyokong pembangunan kemahiran, sahsiah dan potensi mereka secara lebih menyeluruh. Dengan pengukuhan kurikulum tersebut, para graduan dibekalkan dengan pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu Al-Quran sebagai teras, serta kemahiran lain yang bermanfaat.

Bersempena dengan graduasi kumpulan pertama ini, pihak Institut turut mengadakan pameran yang memaparkan perkembangan dan pencapaian alumni Diploma 'Aliyah Qiraat. Pameran tersebut mengetengahkan sumbangan, laluan kerjaya dan bidang khidmat alumni, sekali gus memberi gambaran kepada para graduan dan pengunjung tentang luasnya ruang untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara.

Disembahkan bahawa sumbangan alumni Institut tidak terhenti pada kejayaan akademik. Sejak tahun 2013 Haflut Takharruj dilaksanakan, para graduan lepasan Institut Tahfiz terus mengambil bahagian dalam pelbagai kegiatan ilmu, dakwah dan khidmat masyarakat, sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Pada tahun ini, pada bulan Jun 2026, alumni turut terlibat secara langsung dalam menjayakan Simposium Pendidikan Tahfiz Al-Quran di Negara Brunei Darussalam Kali Kedua sempena Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE) sebagai pembentang kertas kerja dan peserta. Mereka turut menyumbangkan pandangan, pengalaman serta buah fikiran dalam sesi perbincangan yang membantu perumusan resolusi simposium berkenaan. Penglibatan ini mencerminkan keupayaan alumni untuk terus menyumbang secara ilmiah dan profesional kepada perkembangan serta pemerkasaan pendidikan tahfiz Al-Quran di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, alumni turut menyertai Program Belia Da'ie dan pelbagai kegiatan dakwah anjuran Pusat Da'wah Islamiah serta agensi-agensi berkaitan bagi membangunkan kemahiran penyampaian dakwah dan komunikasi berkesan serta keupayaan menghasilkan kandungan digital yang kreatif, beretika dan berimpak untuk disampaikan melalui platform digital dan media sosial sebagai medium dakwah kontemporari yang relevan dengan perkembangan semasa.

Pada bulan Ramadan yang lalu, atas jemputan, seorang orang alumni telah dihantar ke Jepun untuk berkhidmat sebagai imam solat tarawih sepanjang bulan Ramadan di samping menyampaikan tazkirah dan khutbah Jumaat. Penugasan tersebut merupakan sumbangan Negara Brunei Darussalam dalam turut memenuhi keperluan keagamaan masyarakat Islam di Jepun.

>> Muka 13



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, dalam sembah alu-aluan di Majlis Haflut Takharruj kali Ke-14 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pada Rabu 2 September 2026 yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER / JAMADILAKHIR

MASIHI	HARI	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16	ISNIN	6	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.27	6.02	7.14
17	SELASA	7	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15
18	RABU	8	4.37	4.47	6.09	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15
19	KHAMIS	9	4.38	4.48	6.09	6.32	12.07	3.28	6.02	7.15
20	JUMAAT	10	4.38	4.48	6.09	6.33	12.07	3.28	6.02	7.15
21	SABTU	11	4.38	4.48	6.10	6.33	12.07	3.29	6.02	7.16
22	AHAD	12	4.38	4.48	6.10	6.34	12.07	3.29	6.03	7.16

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan	33 / 25 °C	32 / 25 °C	33 / 25 °C
Pekan Bangar	32 / 25 °C	31 / 25 °C	32 / 25 °C
Pekan Tutong	30 / 25 °C	29 / 25 °C	29 / 25 °C
Kuala Belait	30 / 25 °C	29 / 25 °C	29 / 25 °C

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 16 NOVEMBER 2026

Jalan raya hak bersama, utamakan keselamatan

ISU keselamatan di jalan raya merupakan perkara yang sentiasa mendapat perhatian dalam kehidupan masyarakat. Justeru, etika di jalan raya memainkan peranan penting dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Dengan memahami dan mengamalkan etika semasa memandu, kita dapat menyelamatkan nyawa, mencegah kecederaan dan menghindari kemalangan.

Salah satu aspek penting dalam etika di jalan raya ialah kepatuhan terhadap peraturan lalu lintas. Dengan mematuhi peraturan lalu lintas, kita dapat memastikan kelancaran trafik dan mengurangkan risiko kemalangan.

Selain daripada itu, kecuaian semasa memandu juga merupakan punca utama kemalangan jalan raya. Memandu sambil menggunakan telefon bimbit, mengantuk semasa memandu atau memandu dalam keadaan mabuk, melanggar lampu isyarat adalah antara contoh yang boleh membahayakan diri sendiri dan orang lain di jalan raya. Oleh itu, adalah penting untuk sentiasa memberi tumpuan sepenuhnya ketika memandu dan mengelakkan sebarang gangguan yang boleh mengurangkan kepekaan atau hilang fokus semasa memandu.

Sikap bertimbang rasa dan bertolak ansur juga merupakan ciri-ciri penting dalam etika di jalan raya. Memberi laluan kepada orang lain, sentiasa bersabar semasa berada dalam kesesakan trafik, bertoleransi di jalan raya adalah sikap-sikap yang penting untuk memastikan semua pengguna jalan raya dapat berkongsi di jalan raya dengan selamat.

Etika lalu lintas juga mencakupi sikap saling menghormati dan memperhatikan kepentingan orang lain. Sebagai pemandu kita perlu menghindari perilaku agresif seperti membunyikan hon kereta berlebihan, melanggar lampu merah, atau memandu memotong jalur orang lain.

Seorang pemandu yang berhemah sering kali menghindari daripada menggunakan perkataan kasar. Mengumpat atau memaki pemandu lain boleh memanaskan dan mengeruhkan suasana. Sebaliknya, perbanyakkanlah zikir ketika di jalan dapat menenangkan dan mendatangkan pahala.

Selain itu tindakan sesetengah pemandu yang mengubah suai enjin kereta mereka sehingga menimbulkan beberapa bunyi yang lantang dan besar adalah satu perbuatan yang tidak matang. Cuba bayangkan kesannya kepada keluarga yang mempunyai anak damit yang sukar untuk tidur? Perbuatan tidak bertanggungjawab ini perlu diambil tindakan kerana boleh mengganggu ketenteraman awam. Hakikatnya, setiap tindakan kita di jalan raya memberi kesan kepada ramai orang. Oleh itu, kita perlu sentiasa berhati-hati agar tidak menyusahkan orang lain walaupun dalam hal-hal yang kecil.

Kesimpulannya, dengan memahami, menghormati dan mengamalkan etika semasa memandu, kita dapat membantu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya, menyelamatkan nyawa dan mencipta persekitaran jalan raya yang lebih selamat untuk semua pengguna. Oleh itu, adalah tanggungjawab kita bersama untuk memastikan bahawa etika di jalan raya sentiasa diutamakan demi keselamatan dan kesejahteraan semua orang. Ingatlah jalan raya hak bersama - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتريتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچيتق اوله قرينت قلس سنديرين برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BELIA PERLU DILENGKAPI KEMAHIRAN RELEVAN HADAPI PERUBAHAN TEKNOLOGI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama para Pemimpin ASEAN berkenan berangkat menghadiri Sesi ASEAN Leaders' Interface Bersama Wakil-wakil Belia ASEAN.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Azmah Haji Ahad

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Ahad, 15 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama para Pemimpin ASEAN, hari ini berkenan berangkat menghadiri Sesi ASEAN Leaders' Interface Bersama Wakil-wakil Belia ASEAN yang berlangsung di Philippine International Convention Center, Manila.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Semasa sesi berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil belia ASEAN dan menzahirkan penghargaan atas pandangan serta cadangan yang telah dikongsikan.

Kebawah DYMM bertitah menekankan bahawa sumbangan daripada wakil-wakil belia adalah tepat pada masanya memandangkan ASEAN sedang berusaha ke arah Visi Komuniti ASEAN 2045, serta menegaskan bahawa peluang yang terhasil daripada keputusan - keputusan yang dibuat pada hari ini mestilah dapat diakses oleh semua golongan belia.

Walaupun Kecerdasan Buatan (AI) membawa prospek baharu, baginda bertitah mengakui bahawa jurang digital masih menjadi penghalang kepada keterangkuman dan menimbulkan kebimbangan yang wajar mengenai kemungkinan kehilangan pekerjaan.

Bagi mempersiapkan golongan belia menghadapi perubahan teknologi yang pesat ini, Kebawah DYMM seterusnya bertitah menggariskan keperluan untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran yang relevan serta laluan kerjaya yang jelas.

Baginda bertitah mengetengahkan Program Perantisan IT Negara Brunei Darussalam sebagai contoh, yang menggabungkan pensijilan industri dengan latihan dalam pekerjaan selama enam bulan bagi belia yang belum mempunyai pekerjaan.

Dalam titah Kebawah DYMM turut menggalakkan kerjasama lebih erat antara badan-badan pendidikan dan tenaga kerja ASEAN, penyedia latihan serta majikan bagi mengenal pasti keperluan kemahiran baharu dan memperluaskan akses kepada pembelajaran praktikal.

Mengakhiri titah, baginda menyarankan agar cadangan-cadangan daripada wakil-wakil belia diberikan pertimbangan yang sewajarnya, khususnya melalui Pelan Kerja ASEAN mengenai Belia 2026-2030.

Kebawah DYMM bertitah menggalakkan badan-badan ASEAN yang berkaitan untuk meneliti cadangan-cadangan tersebut melalui perundingan bersama wakil-wakil belia, serta memberikan perkembangan mengenai kemajuan pelaksanaannya menjelang pertemuan seterusnya.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan bergambar semasa sesi berkenaan.

Memperkukuh perpaduan ASEAN dalam menangani cabaran dalaman

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Ahad, 15 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 yang berlangsung di Coconut Palace, Manila.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama para pemimpin ASEAN bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa, dengan baginda bertitah menekankan keperluan ASEAN untuk bertindak lebih awal dalam menangani cabaran yang timbul dari luar rantau ini, di samping memperkukuh perpaduan dan penyelarasan bagi menangani cabaran dalaman ASEAN.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49.

PELITA BRUNEI

Memperkukuh kapasiti kolektif ASEAN

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Azmah Haji Ahad

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Ahad, 15 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama para Pemimpin ASEAN menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 di Philippines International Convention Center, Manila, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Semasa sesi tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan kehadiran Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Saleumxay Kommasith ke Sidang Kemuncak ASEAN buat pertama kalinya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa tema Filipina 'Navigating Our Future, Together' adalah sangat tepat pada masanya memandangkan meningkatnya persaingan strategik global dan fragmentasi ekonomi yang semakin kompleks.

Bagi menangani cabaran-cabaran ini, baginda bertitah menekankan keperluan untuk memperkukuh kapasiti kolektif ASEAN selaras dengan keahlian dan perkongsian dialognya yang semakin berkembang.

Tegas baginda, ini termasuk menyediakan sokongan khusus kepada Timor-Leste bagi memastikan penyertaannya yang berkesan sebagai Negara Anggota ASEAN, termasuk dalam melaksanakan komitmen-komitmen ASEAN serta mempersiapkannya untuk tanggungjawab masa depan, termasuk sebagai Pengerusi ASEAN.

Baginda seterusnya bertitah menegaskan semula bahawa kepercayaan antara Negara-negara Anggota ASEAN mesti dipelihara dengan menjunjung prinsip-prinsip yang terkandung dalam Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia (TAC), Piagam ASEAN dan undang-undang antarabangsa, khususnya United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS) 1982, yang menyediakan kepastian, melindungi kedaulatan serta membolehkan perbezaan diuruskan secara aman.

Tekan baginda lagi, bahawa prinsip-prinsip ini harus menjadi panduan dalam perkongsian dengan rakan-rakan luar bagi memajukan matlamat bersama, termasuk keselamatan tenaga dan makanan.

Dengan menetapkan agenda serantau secara kolektif serta melaksanakan keputusan-keputusan yang telah dipersetujui, ASEAN mampu memperkukuh peranan 'Centrality' dan perpaduannya, di samping memastikan perkongsian luarnya yang semakin berkembang memberikan manfaat bermakna kepada rakyat ASEAN, khususnya menjelang Ulang Tahun Ke-60 Penubuhan ASEAN.

Akhir sekali, Kebawah DYMM bertitah menghargai kepimpinan Presiden Filipina selaku Pengerusi ASEAN dalam memajukan keutamaan-keutamaan ASEAN serta bertitah menyatakan sokongan penuh Negara Brunei Darussalam kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2027.

BERANGKAT MENGHADIRI MAJLIS PEMBUKAAN SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-49

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Ahad, 15 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Philippine International Convention Center, Manila dialu-alukan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos.

Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49, yang juga dihadiri oleh para Pemimpin ASEAN tersebut dimulakan dengan lagu tema ASEAN, 'The ASEAN Way', diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Tuan Yang Terutama Presiden Filipina selaku Pengerusi ASEAN tahun ini, di mana Tuan Yang Terutama mengalu-alukan kehadiran para pemimpin dan delegasi bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 di Manila.

Semasa majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta para Pemimpin ASEAN yang lain menyaksikan Majlis Penyampaian Signed Digital Economy Framework Agreement; Majlis Perasmian Lambang ASEAN yang dikemas kini serta upacara pengibaran Bendera ASEAN yang dikemas kini dan Majlis Penyampaian Anugerah ASEAN Prize. Majlis tersebut juga dimeriahkan dengan beberapa persembahan kebudayaan.

Keberangkatan Kebawah DYMM ke Sidang Kemuncak ASEAN dan Sidang-sidang Kemuncak berkaitan di Manila menunjukkan kepimpinan dan keakraban Kebawah DYMM bersama para Pemimpin ASEAN.

Sidang - sidang Kemuncak tersebut merupakan wadah bagi para pemimpin ASEAN meneruskan perbincangan untuk memajukan komuniti ASEAN serta meneroka peluang dan kerjasama dengan Rakan-rakan Dialog ASEAN.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda ke Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 dialu-alukan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos.

Memperkukuh perpaduan ASEAN dalam menangani cabaran dalaman

>> Muka 3

Dalam titah Kebawah DYMM menyambut baik inisiatif Pengerusi ASEAN untuk mengadakan rundingan apabila krisis mengancam kepentingan bersama ASEAN, bagi mengelakkan tekanan tersebut daripada berkembang menjadi kecemasan serantau.

Baginda juga bertitah menyatakan bahawa pertemuan sebegini membolehkan Negara-negara Anggota ASEAN berkongsi penilaian dan menyelaraskan tindakan praktikal bagi menangani gangguan perdagangan, bekalan tenaga, keterjaminan makanan, serta keselamatan warganegara masing-masing.

Kebawah DYMM turut bertitah menegaskan bahawa mekanisme yang diterajui oleh ASEAN menyediakan peluang penting untuk menggalakkan sikap berhemah dan penyelesaian pertikaian secara aman melalui dialog dengan rakan-rakan yang berkaitan, selaras dengan undang-undang antarabangsa.

Sambil menzahirkan penghargaan terhadap kepimpinan Republik Filipina selaku Pengerusi ASEAN serta usaha Utusan Khasnya bagi Republik Kesatuan Myanmar, Kebawah DYMM bertitah menegaskan keperluan untuk meneruskan penglibatan secara berterusan dengan Republik Kesatuan Myanmar memandangkan kerumitan situasi di negara tersebut.

Baginda dalam titah turut menegaskan semula peranan penting Five-Point Consensus dalam mengurangkan keganasan, menyalurkan bantuan kemanusiaan dan mewujudkan suasana yang kondusif bagi dialog inklusif.

Bagi memperkukuh pendekatan kolektif ASEAN, Kebawah DYMM seterusnya bertitah menggalakkan Negara-negara Anggota ASEAN untuk memanfaatkan hubungan dua hala masing-masing bagi meluaskan akses Utusan Khas tersebut kepada pihak-pihak berkepentingan, termasuk melalui penyelarasan hubungan dengan pihak-pihak berkenaan dan perkongsian hasil pertemuan dengan Utusan Khas tersebut, serta melengkapi usaha penglibatan konstruktif yang sedang dijalankan dengan Republik Kesatuan Myanmar, selaras dengan kerangka yang telah dipersetujui dan semangat perpaduan ASEAN.

KEBAWAH DYMM BERANGKAT TIBA DI MANILA, REPUBLIK FILIPINA

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Azmah Haji Ahad

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Sabtu, 14 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Manila, Republik Filipina bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 serta Sidang - sidang Kemuncak Berkaitan yang akan berlangsung pada 15 hingga 17 November 2026.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Antarabangsa Ninoy Aquino, Manila, Republik Filipina, dijunjung oleh Secretary of Transportation, The Honourable Vivencio "Vince" Bringas Dizon dan Pegawai-pegawai Kanan Republik Filipina.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Megawati binti Dato Paduka Haji Manan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Manila, Republik Filipina. Berangkat sama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (atas dan bawah).



Berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 di Republik Filipina

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat ke Manila, Republik Filipina bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan berlangsung pada 15 hingga 17 November 2026.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM Bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran - Pengiran Cheteria; Menteri - menteri Kabinet; Timbalan - timbalan Menteri; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Setiausaha Tetap di JPM merangkap Grand Chamberlain.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan akan berlangsung di Manila, Republik Filipina, dari 15 hingga 17 November 2026 di bawah Pengerusi Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dengan membawakan tema 'Navigating Our Future, Together'.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Manila, Republik Filipina bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan berlangsung pada 15 hingga 17 November 2026. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

PELITA BRUNEI

MENJADIKAN ILMU SEBAGAI PEDOMAN KEHIDUPAN, MENGENAL ALLAH

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Ceramah Perdana Majlis Ilmu Tahun 2026. Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (atas, atas kanan dan bawah).

BERAKAS, Sabtu, 14 November. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman pada hari ini berkenan berangkat ke Ceramah Perdana Majlis Ilmu Tahun 2026 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2026 dan isteri-isteri serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2026.





Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Ugama Kanan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Ernalisa@ Hanisah 'Aqilah binti Haji Shaheed.

Diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2026.

Acara diteruskan dengan sesi Ceramah Perdana bertajuk 'Wanita Pewaris Nilai MIB, Pembentuk Generasi Negara' yang disampaikan oleh Penolong Profesor, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman selaku penceramah undangan.

Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah dalam ceramahnya menggariskan empat amalan untuk diterjemahkan dalam kehidupan seharian. Pertama, teruskan menuntut ilmu sepanjang hayat kerana ilmu ialah panduan untuk mengenal Allah, memahami tanggungjawab dan membuat pilihan yang benar.

Kedua katanya lagi, kuatkan pergantungan kepada Allah melalui doa. Dalam kesibukan wanita mengurus keluarga, pekerjaan dan masyarakat, wanita memerlukan hati yang teguh, memohon pertolongan Allah untuk memelihara iman, membimbing keputusan dan memberikan kekuatan untuk melaksanakan amanah.

Manakala ketiga tambahnya, ialah bina lingkungan yang soleh dan saling menguatkan, iaitu dekatilah diri dengan orang yang sering mengingatkan kepada Allah dan keempat, *refresh* kembali hubungan sebagai hamba Allah.

Islam jelasnya, mengangkat martabat wanita yang direndahkan pada zaman jahiliah, mengiktiraf kemuliaan mereka serta menjamin hak dan kehormatan mereka sebagai insan.

"Alhamdulillah, Islam mengangkat kedudukan wanita dan memuliakannya. Menjadi tanggungjawab *kitani* bersama untuk terus memelihara maruah, serta mendidik golongan wanita dengan penghayatan dan pengamalan Islam yang sebenar.

"Di Negara Brunei Darussalam (NBD), wanita menyumbang kepada masyarakat melalui pelbagai profesion. Dalam apa jua profesion, wanita dapat menghidupkan nilai Melayu Islam Beraja (MIB) melalui cara mereka bekerja, memimpin dan melayani orang lain dengan penuh amanah dan berakhlak," ujarnya lagi.

Yang Teramat Mulia kemudiannya berkenan berangkat bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan menerima pesambah.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, YTM berkenan menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2026 dan bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2026.

Majlis Ilmu pada tahun ini membawa tema 'MIB : Tonggak Kedaulatan Negara' dan Ceramah Perdana hari ini merupakan lanjutan daripada Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2026 pada 7 November 2026 dan Forum Perdana Majlis Ilmu 2026 pada 12 November 2026.

Ceramah Perdana sempena Majlis Ilmu 2026 berkenaan diungkayahkan bersama oleh Kementerian Pendidikan; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri di bawah Jawatankuasa Kerja Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2026.

Bagi mendapatkan maklumat mengenai acara-acara dan aktiviti-aktiviti yang akan diadakan sempena Majlis Ilmu 2026, orang ramai boleh mengikuti laman sesawang *www.majlisilmu.gov.bn*.

CERAMAH Perdana disampaikan oleh Penolong Profesor, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.



Wanita tonggak penerapan nilai MIB dalam pembentukan generasi berilmu, berakhlak

BERAKAS, Sabtu, 14 November. - Tema Majlis Ilmu 2026 'Melayu Islam Beraja : Tonggak Kedaulatan Negara', ini sangat signifikan dalam membuktikan falsafah yang telah dipegang sejak pemasyhuran kemerdekaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan tetap relevan dalam mempertahankan identiti dan jati diri bangsa serta memelihara keamanan dan kedaulatan negara yang kita cintai.

Tema ini juga mencerminkan ketahanan dan keluhuran negara di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan rakyat dan keamanan negara terutama sekali dalam memelihara dan mempertahankan budaya dan identiti negara.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib dalam sembah alu-aluannya pada Ceramah Perdana Majlis Ilmu Tahun 2026 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Sembah Yang Berhormat lagi, kaum wanita sama ada sebagai ibu, isteri, anak, sebagai penasihat, pendidik, pemimpin, penjawat awam, mahupun usahawan dan anggota masyarakat, tidak terkecuali mempunyai peranan yang penting dalam menjadi tonggak kepada pembangunan serta kemajuan NBD.

Sesungguhnya, sembah Yang Berhormat, keterlibatan wanita dalam pembangunan masyarakat bukanlah sesuatu yang baharu. Sejarah Islam telah merakam kemas sumbangan besar para sahabat wanita Radiallahu 'Anhunna pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam pelbagai bidang.

Sayyidatina Khadijah Radhiallahu 'Anha, misalnya sembah Yang Berhormat lagi, merupakan seorang ahli korporat yang berjaya dan menjadi pendukung kuat perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Sayyidatina Aisyah Radhiallahu 'Anha pula terkenal dengan keluasan ilmu dan sumbangannya dalam penyebaran hadis.

"Begitu juga Ummu Salamah Radhiallahu 'Anha yang memperlihatkan kebijaksanaan dalam memberikan pandangan dan nasihat kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat dalam sembah alu-aluannya turut menggariskan antara objektif utama pengisian ceramah tersebut, iaitu memperkasa kefahaman mengenai nilai MIB sebagai teras pembentukan jati diri; meneguhkan kesedaran tentang peranan penting kaum wanita dalam menghayati, mengamalkan dan mewariskan nilai-nilai MIB berlandaskan ajaran Islam kepada keluarga, masyarakat dan generasi akan datang; dan menginspirasikan wanita untuk terus menjadi contoh teladan dalam melahirkan generasi beriman, berilmu dan berakhlak mulia.

Yang Berhormat dalam sembah juga menzahirkan harapan agar Ceramah Perdana yang akan disampaikan akan mencapai objektifnya, iaitu pertama, menghasilkan keyakinan bahawa wanita mempunyai peranan yang penting dalam menyerapkan nilai MIB bagi pembentukan generasi yang berilmu dan berakhlak.

"Kedua, usaha berterusan kaum wanita dalam mengekalkan nilai MIB dalam kehidupan seharian.

"Ketiga, kesediaan dalam meneroka pelbagai metodologi terkini dan semasa dalam memelihara, menghayati dan mengekalkan MIB sebagai tonggak kedaulatan negara," sembah Yang Berhormat lagi.

Terdahulu sebelum itu, Yang Berhormat turut merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih atas limpah kurnia perkenan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah amat bermakna dan mencerminkan sokongan padu Yang Teramat Mulia dalam menyemarakkan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat serta keprihatinan YTM terhadap majlis ilmiah ini.



YANG Berhormat Peguam Negara dalam sembah alu-aluannya.

MEMPERKASA SEKTOR PERTANIAN, MENINGKATKAN KESEDARAN KETERJAMINAN MAKANAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit



TUNGKU, Ahad, 15 November. - Brunei Farm Run 2026 merupakan sebuah acara larian bertemakan pertanian dan gaya hidup sihat yang dianjurkan bagi mempromosi sektor agromakanan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Acara berkenaan menggabungkan elemen rekreasi, pendidikan dan kesedaran terhadap kepentingan industri pertanian serta peranan para petani dalam menjamin keterjaminan makanan negara.

Berangkat menyertai Brunei Farm Run 2026 yang diadakan di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP), di sini ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Hadir menyempurnakan pelepasan para peserta Brunei Farm Run 2026 berkenaan, Setiausaha Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim selaku tetamu kehormat.

Brunei Farm Run 2026 adalah kolaborasi bersama Pejabat KKP di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Selaras dengan usaha kerajaan dalam memperkukuh sektor pertanian dan meningkatkan kesedaran awam terhadap sumber makanan tempatan, acara tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kehidupan di ladang, tanaman tempatan serta kepentingan sokongan kepada produk tempatan.

Antara objektif larian ialah mempromosi sektor pertanian dan produk tempatan Negara Brunei Darussalam (NBD), meningkatkan kesedaran mengenai keterjaminan makanan, memberi peluang kepada petani dan usahawan agri mempromosi hasil mereka serta mengeratkan hubungan komuniti.

Konsep utama adalah 'Run Through Nature, Support Local Farmers' iaitu berlari melalui kawasan pertanian sambil menikmati pengalaman unik berbanding larian biasa di bandar.

Para peserta melalui lima stesen, iaitu Melon Cutfruits; Pineapple Cutfruits; Air; Air Balang dan Ice Cream, dan setelah merentasi garisan penamat para peserta boleh mengambil buah tangan berupa beras, buah terung, sayur lada dan minuman air kelapa (Cocoxim Coconut Water).

Peserta juga melalui Laluan Bertema (Thematic Route), iaitu zon buah-buahan dan zon sayur-sayuran.

Sejurus selesai acara larian, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah juga berkenan melawat ke Farm Market Brunei Farm Run yang diadakan di sekitar Taman Pejabat KKP.

Melalui acara seumpama berkenaan, ia diharap akan dapat meningkatkan kesedaran terhadap pertanian tempatan, meningkatkan jualan produk agro, menggalakkan agropelancongan dan mengukuhkan imej NBD sebagai negara hijau dan mampan.

Penganjuran Brunei Farm Run 2026 bukan sekadar sebuah acara sukan rekreasi biasa, malah ia merupakan satu usaha inovatif yang menyatukan elemen kesihatan fizikal, pemeliharaan alam sekitar, dan pengukuhan sosial ekonomi setempat.

Melalui konsep 'Kembara Agro-Interaktif' yang mampan, acara berkenaan berpotensi besar untuk diangkat sebagai acara ikonik baharu dalam kalendar pelancongan sukan (*sports tourism*) NBD.

Turut memeriahkan acara ini dengan tajaan daripada Syarikat Wasan Miling, Superfish Growers, IAM Food, Syarikat Ying Bee dan juga Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tungku dan Katok.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyertai Brunei Farm Run 2026. Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah (kiri dan atas).



SEBAHAGIAN yang hadir menyertai acara tersebut.

Memperkukuh silaturahim, menyokong daya saing pengusaha tempatan

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami



LAWATAN berkenaan bertujuan untuk meninjau secara lebih dekat operasi, pencapaian serta cabaran yang dihadapi oleh para pengusaha tempatan, di samping memberi sokongan moral terhadap usaha mereka dalam menjana ekonomi negara.

TUTONG, Ahad, 15 November. – Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan Menteri telah mengadakan Lawatan Muhibah ke beberapa buah premis perusahaan tempatan di Daerah Tutong, hari ini.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau secara lebih dekat operasi, pencapaian serta cabaran yang dihadapi oleh para pengusaha tempatan, khususnya dalam kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), di samping memberi sokongan moral terhadap usaha mereka dalam menjana ekonomi negara.

Antara tempat yang dilawati ialah Perusahaan Seri Melati di Kampung Kuala Tutong, yang menawarkan pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan pembinaan dan pembaikan *fiberglass*. Rombongan juga berkesempatan untuk menyusuri Sungai Tutong.

Rombongan seterusnya meneruskan lawatan ke Galeri Lakaba Jaya di Kampung Sengkarai, Daerah Tutong bagi menyaksikan hasil seni kraf tangan termasuk pembuatan *homemade* coklat.

Lawatan diteruskan lagi ke Angkasa Oud Agarwood Company, pengusaha tempatan yang menghasilkan minyak oud, minyak wangi dan produk berasaskan gaharu asli Negara Brunei Darussalam yang beroperasi di Kampung Tanjong Maya, Tutong.

Kemudian lawatan diteruskan ke Eco Ponies Garden sebuah ladang pertanian komuniti, inap desa (*farm stay*) dan pusat pelancongan eko yang terletak di Kampung Lamunin, Daerah Tutong yang berkonsepkan pelancongan lestari berasaskan komuniti dan pemuliharaan budaya tempatan.

Rombongan juga berkesempatan menyaksikan demonstrasi memasak dan perkongsian budaya makanan tradisi serta persembahan Adat Basuh Kaki Puak Tutong oleh Tautani.bn.

Sepanjang lawatan berkenaan, rombongan telah diberikan taklimat ringkas oleh para pengusaha tempatan mengenai latar belakang perniagaan, inovasi produk serta perancangan masa hadapan untuk menembusi pasaran yang lebih luas termasuk pasaran serantau.

Lawatan seumpama tersebut diharap dapat memperkukuh silaturahim serta menyuntik semangat kepada para pengusaha tempatan untuk terus berdaya saing, kreatif dan menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi NBD selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Rombongan Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan Menteri diiringi oleh isteri Pemangku Pegawai Daerah Tutong dan juga isteri Penghulu-penghulu Mukim Daerah Tutong.

Pendaftaran SMS keputusan Peperiksaan PSR dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 November. - Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd. (Progresif), Imagine Sdn. Bhd. (Imagine) dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi mendapatkan keputusan Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi 2026.

Ibu bapa atau penjaga serta pelajar yang ingin melanggan perkhidmatan tersebut boleh mendaftar melalui telefon bimbit menggunakan SMS dengan memasukkan teks berikut, iaitu MOE<jarak>REG<jarak>[KOD PUSAT]<jarak>[NOMBOR CALON] dan dihantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif dan 39966 bagi pelanggan Imagine.

Ibu bapa atau penjaga serta pelajar boleh mula melanggan perkhidmatan berkenaan mulai pada Ahad, 15 November 2026. Para pelanggan adalah dimaklumkan bahawa tiada sebarang bayaran akan dikenakan semasa pendaftaran melalui telefon bimbit.

Keputusan peperiksaan hanya akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan keputusan tersebut.

Pelanggan akan dikenakan pembayaran berjumlah BND3 bagi setiap keputusan SMS yang diterima.

Kementerian Pendidikan berharap melalui perkhidmatan yang disediakan berkenaan akan dapat memberi manfaat kepada orang ramai, terutama sekali para ibu bapa atau penjaga dan pelajar serta pihak berkepentingan Kementerian Pendidikan secara umum.

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan mengenai tatacara pendaftaran, bolehlah berhubung terus melalui nombor +673 8671355 atau e-mel ke *moeresults@machbrunei.com*.

MENYOKONG KEPELBAGAIAN EKONOMI, MEMPERKUKUH SEKTOR BUKAN MINYAK DAN GAS



YANG Berhormat Menteri Kewangan II semasa berucap pada majlis berkenaan.

>> Muka 1

Yang Berhormat Menteri Kewangan II menegaskan bahawa pertumbuhan syarikat berkenaan turut membawa tanggungjawab untuk memastikan operasi dilaksanakan secara mampan, dengan mengambil kira kesejahteraan masyarakat, pemeliharaan alam sekitar dan sumbangan kepada pembangunan negara.

Menurutnya, kelestarian merupakan aspek penting dalam hala tuju dan masa depan BFI, khususnya memandangkan industri baja memainkan peranan penting dalam menyokong sektor pertanian dan keselamatan makanan global.

Sehubungan itu, BFI perlu terus menambah baik operasi, meningkatkan kecekapan penggunaan sumber serta mengamalkan pendekatan lebih mampan bagi mengurangkan impak terhadap alam sekitar.

Laporan ESG pertama berkenaan merupakan platform bagi syarikat untuk berkongsi inisiatif, pencapaian serta bidang yang masih memerlukan penambahbaikan, di samping memperlihatkan komitmen terhadap ketelusan dan tanggungjawab korporat.

Antara kemajuan yang dicapai termasuk memperkukuh aspek kesihatan dan keselamatan pekerjaan, membangunkan bakat serta keupayaan tenaga kerja tempatan, meningkatkan kebolehpercayaan operasi, mengurus impak alam sekitar dan menyumbang kepada masyarakat.

Yang Berhormat turut menekankan kepentingan mengekalkan standard etika, integriti dan akauntabiliti yang tinggi dalam setiap

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

urusan serta keputusan syarikat bagi memastikan kepercayaan pihak berkepentingan, rakan perniagaan dan masyarakat terus terpelihara.

Usaha tersebut juga selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam menyokong kepelbagaian ekonomi dan memperkukuh sektor bukan minyak dan gas. Selain itu, BFI turut menyumbang melalui pewujudan peluang kepada perniagaan tempatan serta pembangunan bakat dan keupayaan anak tempatan.

Yang Berhormat menegaskan bahawa pembangunan industri perlu berjalan seiring dengan tanggungjawab sosial dan alam sekitar, manakala usaha ke arah kelestarian memerlukan komitmen, konsistensi dan penambahbaikan berterusan.

Pada mengakhiri ucapannya, Yang Berhormat merakamkan penghargaan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah BFI, pihak pengurusan dan seluruh warga kerja syarikat atas dedikasi serta sumbangan mereka dalam menjayakan pelbagai inisiatif dan pencapaian yang terkandung dalam laporan berkenaan.

BFI lancarkan Laporan ESG Pertama, tingkatkan komitmen kelestarian

JERUDONG, Sabtu, 14 November. - Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) melancarkan Laporan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) pertamanya, sekali gus menandakan satu pencapaian penting dalam perjalanan kelestarian syarikat serta komitmennya terhadap ketelusan, akauntabiliti dan pertumbuhan yang bertanggungjawab.

Majlis pelancaran berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei, dan disempurnakan oleh tetamu kehormat Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi BFI.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan BFI, wakil-wakil kerajaan, pihak berkepentingan serta para jemputan.

Laporan ESG pertama berkenaan menghimpunkan pelbagai usaha BFI dalam aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus, selain memberikan gambaran menyeluruh mengenai penerapan amalan kelestarian dalam operasi serta hala tuju jangka panjang syarikat.

Sebagai antara industri hiliran utama negara dan pengeluar urea berbutir bagi pasaran antarabangsa, BFI memainkan peranan penting dalam menyokong sektor pertanian dan keselamatan makanan global.

Laporan tersebut turut menggariskan tanggungjawab syarikat dalam mengendalikan industri intensif tenaga yang sukar mengurangkan pelepasan karbon, termasuk usaha berterusan untuk meningkatkan kecekapan operasi, mengurus impak terhadap alam sekitar dan meneroka peluang ke arah operasi rendah karbon.

Antara bidang utama yang diketengahkan dalam laporan berkenaan ialah kesihatan dan keselamatan, pengurusan alam sekitar, kebolehpercayaan operasi, pembangunan pekerja dan pengambilan tenaga kerja tempatan, penglibatan masyarakat, tadbir urus serta penambahbaikan berterusan.

Ketua Pegawai Eksekutif BFI, Dr. Harri Kiiski, menekankan bahawa perjalanan kelestarian syarikat berteraskan operasi yang selamat dan boleh dipercayai.

Beliau turut memaklumkan bahawa ketika laporan ESG pertama itu disediakan, BFI menghampiri pencapaian enam juta jam bekerja dengan selamat, mencerminkan komitmen syarikat dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat di samping terus membekalkan produk baja berkualiti kepada para pelanggan.

Menurutnya, laporan berkenaan turut mencerminkan komitmen seluruh warga kerja BFI terhadap kelestarian, memandangkan ia disediakan oleh tenaga kerja syarikat sendiri.

Komitmen tersebut juga diperkukuh melalui kejayaan 14 orang pekerja BFI menamatkan pengajian di Sustainable Fertilizer Academy anjuran International Fertilizer Association (IFA), sekali gus meningkatkan pengetahuan dan keupayaan dalaman syarikat dalam mengenal pasti peluang ke arah operasi yang lebih mampan.

Pada majlis berkenaan, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif BFI, Dayang Hajah Nur Raihan binti Dato Paduka Haji Mohd. Rosli, turut menyampaikan taklimat mengenai rasional pelaksanaan perjalanan ESG syarikat, perkembangan serta usaha yang dilaksanakan sehingga penerbitan laporan pertama berkenaan, selain hala tuju BFI ke arah masa depan yang lebih mampan.

Usaha kelestarian BFI turut disokong oleh sistem pengurusan dan piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, termasuk pensijilan ISO 9001 bagi Pengurusan Kualiti, ISO 14001 bagi Pengurusan Alam Sekitar dan ISO 45001 bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, selain pensijilan IFA Protect & Sustain serta anugerah IFA Product Stewardship Excellence.

Pelancaran laporan ESG pertama itu menjadi permulaan kepada pendekatan yang lebih tersusun dalam melaporkan prestasi dan kemajuan kelestarian syarikat, di samping memperkukuh komitmen BFI dalam mewujudkan nilai jangka panjang kepada pihak berkepentingan, menyokong pembangunan mampan negara dan menyumbang kepada keselamatan makanan global.



YANG Berhormat Menteri Kewangan II semasa hadir menyempurnakan majlis pelancaran tersebut. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Pembangunan (atas dan bawah)





MAJLIS KONVOKESYEN COSMO RAIKAN 439 GRADUAN

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan anugerah kepada para graduan.

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan anugerah kepada para graduan ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Dengan bertemakan 'Innovative Generation, Employable Nation', tema berkenaan mencerminkan komitmen institusi tersebut dalam melengkapkan belia Brunei dengan kemahiran praktikal yang memenuhi keperluan industri, selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Membawa Kebanggaan Antarabangsa ke Brunei: 'Pearson BTEC Ambassador of the Year', majlis juga bagi meraikan pencapaian penting COSMO di persada antarabangsa.

Ketua Pegawai Eksekutif, Daniel Jeyasundrakumar, mewakili persidangan tersebut di Hanoi, Republik Sosialis Viet Nam dan COSMO telah diiktiraf sebagai 'Pearson BTEC Ambassador of the Year', menjadikannya institusi pertama dari Brunei Darussalam yang menerima anugerah tersebut.

Dipilih daripada 120 pusat BTEC di 13 pasaran Asia-Pasifik, anugerah ini mengiktiraf COSMO sebagai penanda aras serantau dalam kualiti akademik, verifikasi dalaman, pengajaran yang selaras dengan industri, serta pendidikan yang berpusatkan pelajar.

Pengerusi Eksekutif COSMO, Dr. Abdul Aziz bin Haji Abdul Latip dalam ucapannya pada majlis itu berkata pengiktirafan sebagai 'Pearson BTEC Ambassador of the Year' merupakan detik yang membanggakan, bukan sahaja bagi COSMO, malah bagi Brunei Darussalam.

"Amalan terbaik COSMO kini menjadi model bagi institusi pendidikan di seluruh rantau Asia-Pasifik. Bagi para graduan, ini bermakna mereka melangkah ke alam pekerjaan dengan kelayakan yang disokong oleh piawaian kecemerlangan yang diiktiraf di peringkat global.

"Kumpulan graduan tahun 2026 yang berjumlah 439 orang menerima Sijil, Diploma, dan Diploma Kebangsaan Tinggi (Higher National Diploma) dalam bidang Teknologi Maklumat, Perniagaan, Media Kreatif, Pengkomputeran, Keusahawanan, dan Hospitaliti," ujar beliau lagi.

Mengetengahkan impak nyata daripada pendekatan COSMO yang dipacu oleh industri, Dr. Abdul Aziz menekankan inisiatif institusi tersebut dalam melengkapkan para pelajar - seperti melalui Ekspo Kerjaya dwitahunan COSMO yang baru-baru ini menghubungkan pelajar secara langsung dengan 84 organisasi yang mengambil bahagian serta bengkel kerjaya 'Be Job Ready', perkongsian strategik, dan akreditasi antarabangsa daripada AI Board UK, AAT (Association of Accounting Technicians), L3C (Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat di bawah Kementerian Pendidikan, Brunei Darussalam), dan OTHM (Organisation for Tourism and Hospitality Management).

Ia juga selaras dengan visi Kementerian Pendidikan untuk memanfaatkan teknologi bagi mempertingkatkan keupayaan manusia dan pertimbangan kritis, COSMO secara rasmi mengumumkan dua inisiatif pendidikan utama iaitu pertama, Kursus Pendek Kecerdasan Buatan (AI): Dibangunkan dengan kerjasama AI Board UK untuk melengkapkan graduan baharu dan golongan profesional yang sedang bekerja dengan kecekapan praktikal dalam bidang AI.

Kedua, Kelayakan Pearson BTEC dalam bidang Kesihatan dan Penjagaan Sosial dilancarkan bagi memenuhi permintaan masyarakat di Brunei yang semakin meningkat terhadap tenaga profesional yang terlatih dan berjiwa penyayang dalam sektor penjagaan kesihatan dan khidmat jagaan.

Selain aspek akademik dan kesediaan kerjaya, COSMO turut memberikan pengiktirafan kepada para pelajarnya yang telah mewakili Brunei dalam Program Pertukaran Belia Brunei-Korea, menyertai Liga AFC dan pasukan bola sepak kebangsaan B-20 (U-20), serta meraih gelaran naib juara dalam Pertandingan Pickleball Borneo Ke-2; di samping penglibatan berterusan dalam program khidmat masyarakat dan kempen derma darah.

Dalam majlis ini, para hadirin turut berpeluang melawat Pameran Projek Graduan, yang menampilkan penyelesaian digital dan kemasyarakatan hasil ciptaan pelajar, termasuk 'Career Space', 'Creative Career Navigator', dan 'Care Professionals'.

Dalam ucapan penutupnya, Dr. Abdul Aziz menyeru para pelajar kohort 2026, sama ada mereka akan terus memasuki alam pekerjaan atau melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Politeknik Brunei, mahupun universiti di luar negara agar sentiasa fleksibel, memegang teguh integriti peribadi, serta menyumbang secara aktif kepada pertumbuhan sosioekonomi Brunei.



PENGERUSI Eksekutif COSMO, Dr. Abdul Aziz bin Haji Abdul Latip dalam ucapannya.

31 peserta terima Sijil Latihan Bahasa Turki

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

BERAKAS, Sabtu, 14 November. - Seramai 31 orang petugas barisan hadapan daripada sektor hospitaliti dan pelancongan di Negara Brunei Darussalam (NBD) berjaya menamatkan program latihan 'Basic Turkish Language and Cross-Cultural Communication' yang telah berlangsung pada 2 Oktober hingga 25 Oktober 2026.

Majlis Penyampaian Sijil Latihan 'Basic Turkish Language and Cross-Cultural Communication' berkenaan telah diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), petang, di sini.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis penyampaian sijil kepada para peserta ialah Setiausaha Tetap (Industri), KEPI, Awang Mohammad Harris bin Brigedier General (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

Turut hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy dan isteri.

Latihan ini telah dianjurkan oleh KEPI melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP) dengan kerjasama Kedutaan Republik Türkiye di NBD.

Program ini dirangka khusus untuk meningkatkan kemahiran asas bahasa Turki dalam kalangan peserta, di samping memperkasakan kefahaman peserta mengenai budaya, adat resam serta keperluan pelancong dari Republik Türkiye.

Bagi memastikan kualiti latihan yang optimum, Kedutaan Republik Türkiye di NBD telah membawa tenaga pengajar khas daripada Institut Yunus Emre, Republik Türkiye.

Kerjasama strategik tersebut mencerminkan komitmen berterusan kedua-dua pihak dalam memperkukuh pembangunan kapasiti sumber manusia dalam sektor hospitaliti dan pelancongan tempatan.

Penganjuran program kali kedua ini merupakan salah satu inisiatif berterusan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan melalui penguasaan asas bahasa asing dan pemahaman silang budaya. Kemahiran yang diperoleh membolehkan petugas barisan hadapan berkomunikasi dengan lebih berkesan, memberikan layanan yang mesra dan profesional sekali gus memenuhi keperluan pelancong antarabangsa dengan lebih baik.

Salah seorang peserta iaitu Awang Muhammad Athaillah@ Fakhrurazi Zaini, melahirkan rasa syukur dan menyatakan bahawa kursus ini telah memberikan pengalaman dan pengetahuan baharu yang bermanfaat, nilai tambah yang signifikan khususnya dalam membantu petugas barisan hadapan dalam berkomunikasi dengan pelancong serta memahami budaya pelancong Türkiye dengan lebih baik.

Beliau juga berharap agar kursus Bahasa Turki dapat diteruskan ke peringkat seterusnya, di samping mengikuti latihan lain yang berkaitan dengan pelancongan dan pembangunan profesional pada masa akan datang.

Oleh yang demikian, JKP berharap agar ilmu dan kemahiran yang diperoleh melalui program latihan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para peserta dalam menjalankan tugas seharian. Langkah ini sekali gus menyumbang kepada peningkatan mutu perkhidmatan dan kesiapsiagaan sektor hospitaliti dan pelancongan negara dalam menyambut Tahun Melawat Brunei 2027.





SETIAUSAHA Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis penyampaian sijil kepada para peserta (atas dan kanan).

PELITA BRUNEI

PENGHAYATAN DOA MENAIKI KENDERAAN BENTUK JIWA BERSYUKUR, MENGINGATI ALLAH



MUNAJAT Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-255 dengan kerjasama MTIC kelolaan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) sempena Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2026.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Pada masa yang sama, doa ini juga mengingatkan manusia bahawa setiap perjalanan kehidupan akhirnya akan kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Justeru, penghayatan doa menaiki kenderaan dapat membentuk jiwa yang sentiasa bersyukur, bertawakal dan mengingati Allah dalam setiap perjalanan kehidupan.

Demikian antara perkara yang disebutkan di dalam tazkirah yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak dari Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) bagi menyerikan Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-255 dengan kerjasama MTIC kelolaan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) sempena Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2026.

Munajat Khas tersebut disertai oleh Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, warga kerja di bawah KHEU serta MTIC dan juga Ahli-ahli MKKJR. Turut menyertai, murid-murid dan tenaga pengajar dari sekolah-sekolah di bawah KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Program Munajat Khas yang diadakan baru-baru ini dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Setiausaha Tetap MTIC, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, selaku Ahli MKKJR bagi mewakili Pemangku Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku tetamu kehormat bersiaran dari Dewan Amar Pahlawan, MTIC.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, ini diikuti dengan bacaan Tahlil beramai-ramai dipimpin oleh Bendahari Agong Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA), Awang Haji Noor Aimee bin Haji Metamit dari Dewan Amar Pahlawan, MTIC.

Seterusnya, Doa Munajat Khas dibacakan oleh Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas, Jabatan Pengajian Islam (JPI), KHEU, Pengiran Mohd. Saifulzamri bin Pengiran Haji Sabtu, yang juga Ahli Persatuan Brunei Darussalam Cycling Federation (BDCF) dari Dewan Amar Pahlawan, MTIC.

Kemudian diikuti dengan bacaan Doa Memohon Dikurniakan Hujan Sebab Dilanda Jerebu oleh Guru Sekolah Ugama Kampung Mata-Mata, Gadong, JPI, KHEU, Awang Haji Mohd. Amirul Rashid bin Haji Wahab dari Sekolah Ugama Kampung Mata-Mata, Gadong.

Selesai tazkirah, diikuti dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Guru Sekolah Ugama Beribi, Gadong, JPI, KHEU, Awang Haji Abdul Aziz bin Awang Haji Damit dari Surau Sekolah Ugama Beribi, Gadong.

Program Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam (NBD) berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan kemalangan jalan raya.

Program kali ini juga diadakan bagi memperingati mangsa-mangsa lalu lintas jalan raya, sama ada yang terkorban mahupun yang mengalami kecederaan akibat kemalangan serta menzahirkan rasa simpati, keprihatinan dan sokongan kepada keluarga yang terkesan.

Di samping itu, program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya keselamatan jalan raya, memupuk sikap bertanggungjawab, berhemah dan beretika dalam kalangan pengguna jalan raya, serta mengingatkan semua pihak mengenai kesan dan impak kemalangan terhadap individu, keluarga dan masyarakat.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, di samping mengurniakan rahmat kepada mangsa-mangsa yang telah kembali ke rahmatullah, menguatkan hati keluarga yang ditinggalkan, dan memelihara NBD daripada kejadian kemalangan jalan raya serta sebarang musibah yang tidak diingini.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut : *http://tiny.cc/munajatkheu*.

Peringatan mengenai pencegahan demam campak

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 November. - Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk melindungi diri, keluarga dan komuniti daripada demam campak (*measles*).

Demam campak ialah jangkitan virus yang merebak melalui udara apabila seseorang yang dijangkiti batuk, bersin atau bernafas. Virus ini boleh kekal di udara dan pada permukaan sehingga dua jam, menjadikan demam campak salah satu penyakit berjangkit yang paling mudah merebak.

Gejala demam campak biasanya muncul dalam tempoh tujuh hingga 14 hari selepas terdedah kepada virus. Gejala ini termasuk demam panas, batuk, hidung berair, mata merah dan berair, serta tompok putih di dalam mulut. Ruam merah biasanya akan muncul selepas itu, bermula pada muka dan merebak ke bahagian bawah badan.

Demam campak boleh menyebabkan komplikasi serius seperti radang paru-paru (pneumonia), jangkitan telinga, cirit-birit dan dehidrasi serta keradangan otak (ensefalitis).

Dalam kes yang teruk, ia boleh menyebabkan kematian. Golongan yang paling berisiko ialah anak damit dan kanak-kanak, wanita hamil, individu yang mempunyai sistem imun yang lemah dan mereka yang belum melengkapkan vaksinasi.

Vaksinasi merupakan langkah perlindungan terbaik daripada demam campak. Vaksin ini selamat dan berkesan serta dua dos memberikan perlindungan sekitar 97 peratus.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), vaksin demam campak diberikan sebagai vaksin gabungan demam campak, beguk dan rubela (MMR) pada usia 12 bulan dan 18 bulan di bawah Program Imunisasi Kebangsaan.

NBD telah mengekalkan liputan vaksinasi yang tinggi iaitu melebihi 97 peratus bagi dos kedua vaksin MMR sepanjang lima tahun kebelakangan ini. Vaksinasi juga membantu melindungi keluarga dan komuniti dengan mengurangkan penyebaran penyakit.

Ibu bapa dan penjaga juga diseru untuk memastikan anak-anak mereka telah menerima semua vaksinasi kanak-kanak yang disarankan mengikut jadual Program Imunisasi Kebangsaan.

Bagi menyemak status vaksinasi anak-anak, ibu bapa dan penjaga boleh merujuk kad kuning atau Buku Kesihatan Kanak-kanak atau membuat semakan melalui aplikasi BruHealth. Sekiranya masih tidak pasti atau memerlukan penjelasan lanjut, mereka boleh menghubungi pusat Kesihatan terdekat.

Orang ramai yang mengalami demam dan ruam adalah dinasihatkan untuk kekal berada di rumah, mengelakkan tempat awam dan tidak ke sekolah atau ke tempat kerja sehingga diperiksa oleh doktor.

Mereka hendaklah memakai sungkup muka apabila pergi ke klinik atau hospital dan memaklumkan kepada petugas di kaunter pendaftaran bahawa mereka mengalami demam dan ruam.

Mereka juga dinasihatkan untuk menutup mulut dan hidung semasa batuk atau bersin. Orang ramai disarankan untuk mencuci tangan dengan kerap menggunakan sabun dan air. Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk sentiasa mengamalkan langkah berjaga-jaga seperti yang dinyatakan di atas.

Ibu bapa dan penjaga diseru memastikan anak-anak mereka telah menerima semua vaksinasi yang disarankan mengikut jadual Program Imunisasi Kebangsaan. Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Nasihat Kesihatan, Kementerian Kesihatan menerusi talian 148, melayari laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan di *www.moh.gov.bn* atau mengikuti akaun Instagram, *@mohbrunei*.




سروان سوحي

جالن راي سلامت، اداب دان أخلاق دعملكن

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسوڠكوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠإيڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

سسوڠكوهڽ، ساله ساتو نعمت الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ يڠ ڤاليڠ أوتام باكي أومت مأنسي اداله ڤڠأوتوسن نبي محمد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. ملالوءي بكيندا له، كهيدوڤن كيت دسيرمي رحمة، جيوا دسينري هدايه، دان جالن هيدوڤ دڤنوهي بركت. كحاضيرن بكيندا بوكن سقدر سباكاي سأورڠ توكوه، ماله لبيه دري ايت، بكيندا جوك مروڤاكن أُسْوَةٌ حَسَنَة جونتوه تربايك دالم كهيدوڤن، ترأوتام دالم مڠأسوه دان ممبنتوق أخلاق يڠ موليا. حال اين دتكسكن ملالوءي حديث روايت **أبو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأُتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ. مقصودڽ: سسوڠكوهڽ اكو دأوتوس اونتوق ميمڤورناكن سموليا-موليا أخلاق. {حديث روايت إمام أحمد}**

جوسترو سباكاي أومت إسلام، كيت دتونتوت منجونتوهي أخلاق موليا رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم سكنڤ أسڤيك كهيدوڤن سهارين، تيدق تركجوالي كتيك كيت براد دجالن راي. بكيندا صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تله مڠاجركن اداب دجالن، انتاراڽ منجاك ڤندڠن، تيدق مپاكيتي اورڠ لاين دان مپيڠكيركن ڤركارا يڠ ممبهاياكن درڤد لالوان. ڤرينسيڤ اينله يڠ ڤرلو كيت ترڤكن دجالن راي ڤد هاري اين.

اوليه ايت، سوبوركنله ديري كيت دڠن سنتياس برسيكڤ صبر، برتولق أنسور دان ساليڠ مڠحرمتي سسام ڤڠكونا جالن راي كران كإيندهن اداب سماس ممندو كندرأن ايت جوك منجرمينكن أخلاق سأورڠ مسلم يڠ سجاتي.

جماعه يڠ درحمتي الله،

كمالڠن جالن راي ماسيه مراكوت پاوا دان منجدراكن راماي أڠكوتا مشاركت نكارا اين. منوروت ستاتيستيك درڤد مجليس كبڠسأن كسلامتن جالن راي (MKKJR)، يإيت دري بولن جانواري هيڠك بولن سيڤتيمبر ٢٠٢٦، سبايق **١٠٠١ كيس كمالڠن** جالن راي تله دريكودكن، ترماسوق **١٤ كيس كمالڠن ماوت**، مانكلا **٣٣٣ كيس كجدرأن** توروت دجاتتكن. دسباليق أڠكا-أڠكا ترسبوت منونجوقكن بهاوا كسلامتن جالن راي اياله تڠكوڠجواب برسام. اي جوك مڠإيڠتكن كيت سوڤايا تيدق ممندڠ ريڠن ستياڤ تيندقن يڠ بوليه ممبهاياكن ديري سنديري دان اورڠ لاين. انتارا اداب دان أخلاق يڠ مستي كيت جاك كتيك براد دجالن راي، اياله:

ڤرتام: مڠأوتاماكن كسلامتن ديري دان اورڠ لاين. إسلام ملارڠ كرس سبارڠ بنتوق تيندقن يڠ بوليه منداتڠكن بهاي كڤد ديري سنديري اتاو اورڠ لاين. **درڤد أَبُو سَعِيد الْخُدْرِيّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ. مقصودڽ: تيدق بوليه ملاكوكن ڤربواتن يڠ مموضرتكن ديري سنديري دان اورڠ لاين. {حديث روايت إبن ماجه}**

انتارا لڠكه منجاك كسلامتن اياله مماكاي تالي ڤيڠكڠ كليدر، ممستيكن أنق-أنق كچيل دودوق دتمڤت دودوق كسلامتن كانق-كانق، تيدق مڠكوناكن تيليفون بيمبيت كتيك ممندو دان تيدق ممندو دالم كأدأن لتيه اتاو مڠنتوق. ڤركارا اين موڠكين نمڤق كچيل. نامون اي بوليه منجادي ڤننتو انتارا سلامت اتاو مصيبة.

كدوا: جاڠن منظاليمي اتاو مپوسهكن ڤڠكونا جالن راي يڠ لاين. إيلقكن طبيعة مموتوڠ كندرأن سسوكا هاتي، ممندو سجارا بربهاي اتاو ملتقكن كندرأن دتمڤت يڠ بوليه مڠهالڠ لالوان عوام. ڤربواتن ترسبوت بوكن سهاج بوليه مپوسهكن اورڠ لاين بهكن مڠوندڠ ريسيكو كمالڠن. اوليه ايت، ممندوله دڠن صبر، برهيمه دان برتڠكوڠجواب دمي منجاك كسلامتن برسام. **درڤد عبدالله بن عمر رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا يڠ برمقصود: سأورڠ مسلم اداله سودارا باكي مسلم يڠ لاين، دي تيدق منظالمين دان تيدق ممبياركنڽ (دسرهكن كڤد بهاي اتاو كظالمن). {حديث روايت إمام بُخَارِيّ}**

كتيك: حرمتيله حق ڤڠكونا جالن راي يڠ لاين. بريله لالوان كڤد ڤجالن كاكي دان كندرأن كجمسن سڤرتي أمبولنس، بومبا دان ڤوليس يڠ سدڠ برتوكس دمي مپلامتكن پاوا. هيندريله سيكڤ ممنتيڠكن ديري، برتيندق كاسر دان تيدق برتيمبڠ راس كتيك ممندو. سسوڠكوهڽ سيكڤ ساليڠ مڠحرمتي داڤت موجودكن ڤرجالنن يڠ لبيه سلامت دان هرموني. **درڤد أَبُو سَعِيد الْخُدْرِيّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا يڠ برمقصود: جك كامو تتڤ ماهو دودوق (دتڤي جالن)، مك بريكن حق جالن ايت، ڤارا صحابت برتاڽ: اڤكه حق جالن ايت، واهاي رسول الله؟ بكيندا برسبدا: منوندوقكن ڤندڠن، تيدق مڠكڠكو (اورڠ لاين)، منجواب سلام، مپوروه كڤد كبايكن، دان منجكه درڤد كموڠكرن. {حديث روايت إمام بُخَارِيّ}**

دجالن منروسي سبدا دان ڤربواتن بكيندا، بهكن بكيندا توروت ممبيمبيڠ دان مڠاجركن دعاء أكر كيت دكورنياكن أخلاق يڠ بايك دان دجاوهكن درڤد أخلاق يڠ بوروق. **درڤد قُطْبَة بن مَالِك رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، بلياو بركات بهاوا نبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بردعاء:**

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ مُنْكَرَاتِ الأَخْلَاقِ وَالأَعْمَالِ وَالأَهْوَاءِ

أرتين: يا الله، اكو برليندوڠ كڤد مو دري أخلاق، عمل دان هاوا نفسو يڠ موڠكر. {حديث روايت إمام ترمذي}

سسوڠكوهڽ أخلاق يڠ موليا هندقله دعملكن ڤد ستياڤ ماس دان كأدأن، ترماسوق كتيك براد دجالن راي. كسلامتن بوكن سهاج بركنتوڠ كڤد ڤراتورن لالو لينتس، تتاڤي جوك سيكڤ ستياڤ ڤڠكونا. ممندوله دڠن برهيمه، برتڠكوڠجواب، صبر سرتا مڠحرمتي حق اورڠ لاين أكر جالن راي لبيه أمان دان سلامت.

أخيرڽ، ماريله كيت منجونتوهي أخلاق موليا رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم ستياڤ أسڤيك كهيدوڤن، ترماسوق كتيك براد دجالن راي. سموك الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ممبيمبيڠ كيت منجادي ڤڠكونا جالن راي يڠ برأخلاق، صبر دان ساليڠ مڠحرمتي سرتا مڠورنياكن كسلامتن، كبركتن دان رحمتڽ كڤد كيت سموا. آمين يا رَبَّ العالمين.

سسياڤا يڠ طاعة كڤد رسول الله مك سسوڠكوهڽ دي تله طاعة كڤد الله، دان سسياڤا يڠ برڤاليڠ (درڤد كطاعتن ايت)، مك (جاڠنله أڠكاو بردوكاجيتا واهاي نبي محمد) كران كامي تيدق مڠوتوس مو اونتوق منجادي ڤمليهارا مريك (دري ملاكوكن كسالهن).

{ سورة النساء أية : ٨٠ }

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.

PELITA BRUNEI

MELAHIRKAN GENERASI CELIK AL-QURAN MELALUI PEMBUDAYAAN AMALAN MEMBACA



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BELAIT, Sabtu, 14 November. - Majlis-majlis Khatam Al-Quran yang dianjurkan di sekolah-sekolah Arab di negara ini merupakan antara usaha berterusan dalam menyokong hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran serta membudayakan pembacaan Al-Quran sebagai amalan dalam kehidupan berugama.

Penganjuran majlis seumpama berkenaan juga mencerminkan komitmen Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dalam memartabatkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada peserta khatam (atas), manakala gambar kiri, antara peserta khatam yang diraikan.

Sehubungan itu, Sekolah Arab Belait mengadakan Majlis Khatam Al-Quran pada pagi tadi bagi meraikan seramai 28 pelajar Sanah 6 yang berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran. Daripada jumlah tersebut, 14 orang merupakan pelajar lelaki dan 14 orang lagi pelajar perempuan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, yang turut memulakan majlis dengan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai.

Majlis kemudian diteruskan lagi dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, diikuti bacaan Takhtim dan Doa Khatam oleh Awangku Muhammad Haziq bin Pengiran Sahbillah.

Acara turut diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban sebelum diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh tenaga pengajar sekolah berkenaan, Awang Ahmad Za'aim bin Haji Bagol.

Folklor tempatan diangkat melalui *patuturan* warisan

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Sejarah Brunei



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Lumapas. hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar bawah, Sesi Bicara Sejarah menampilkan Pensyarah Program Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Awang Maslin bin Haji Jukim, sebagai pembentang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 November. – Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi menganjurkan Program Bicara Sejarah Tahun 2026 : Pertuturan Sebagai Sumber Sejarah Tradisi Lisan dengan membawakan tema 'Meneroka Sejarah, Memelihara Warisan dan Memperkukuh Identiti'.

Program berkenaan diadakan di Dewan Jawatan Dalam, PSB, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas.

Program turut dihadiri oleh pengarah-pengarah, para pensyarah, pegawai dan kakitangan daripada sektor kerajaan dan swasta, ahli akademik, mahasiswa dan mahasiswi daripada institusi-institusi tinggi serta para pencinta dan peminat sejarah.

Sesi Bicara Sejarah menampilkan Pensyarah Program Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Awang Maslin bin Haji Jukim, sebagai pembentang.

Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang folklor, budaya, sastera rakyat dan sejarah lisan, termasuk penyelidikan mengenai *patuturan* serta asal usul nama tempat di Negara Brunei Darussalam.

Sesi berkenaan dikendalikan oleh Dayang Nur Nadzmira binti Abdullah Julkifli selaku Moderator.

Program bertujuan untuk mengetengahkan folklor tempatan, khususnya *patuturan* yang diwarisi daripada generasi terdahulu, di samping memperkenalkan cerita legenda dan mitos yang berkaitan dengan tempat-tempat bersejarah di NBD kepada orang ramai, terutama golongan belia.

Melalui perbincangan tersebut, kepentingan pertuturan dan sejarah lisan sebagai sumber dalam penyelidikan sejarah turut diketengahkan, khususnya dalam usaha mengumpulkan, mendokumentasikan dan memelihara cerita warisan masyarakat yang diwarisi secara turun-temurun.

Usaha tersebut amat penting memandangkan bilangan penutur dalam kalangan generasi tua semakin berkurangan. Tanpa usaha pengumpulan dan pendokumentasian yang berterusan, warisan tradisi lisan berkenaan berisiko mengalami kepupusan.

Dalam konteks NBD, *patuturan* merujuk kepada himpunan cerita yang disampaikan secara lisan dalam kalangan orang tua-tua, merangkumi cerita berunsur mitos, legenda dan dongeng. Antara kandungannya termasuklah cerita mengenai asal usul nama tempat seperti kampung, bukit, sungai dan pulau yang mempunyai nilai warisan budaya serta kepentingan persejarahan.

Inisiatif tersebut selaras dengan peranan PSB sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei dalam usaha memelihara, mendokumentasikan dan menyebarluaskan khazanah sejarah serta warisan negara.



12 kumpulan sertai Pertandingan Dikir Asyrakal anjuran PKWE DBM

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami



PENGETUA Pusat Sejarah Brunei, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong hadir selaku tetamu kehormat majlis.

LAMBAK KANAN, Sabtu, 14 November. - Kumpulan Dikir Amin dan Kumpulan Dikir Nur Iman masing-masing menyandang johan dalam Pertandingan Dikir Asyrakal anjuran Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara (DBM) yang diadakan di Dewan Legar PKWE DBM, Jalan 77, Lambak Kanan, pagi tadi.

Pertandingan yang diadakan bersempena Majlis Sambutan Hari Keluarga Tahun 2026 ini merupakan penganjurannya kali ke-5 yang melibatkan Ahli-ahli PKWE DBM yang sememangnya dihasrat agar terus meningkatkan semangat dan tradisi keagamaan sekali gus kecintaan kepada junjungan besar umat Islam Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam meniti kehidupan sehari-hari.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi sama-sama menyaksikan keindahan majlis dan menyempurnakan sesi penyampaian hadiah dan saguhati kepada para peserta serta penghargaan kepada hakim-hakim pertandingan ialah Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Dalam pertandingan berkenaan telah menyaksikan penyertaan seramai 12 kumpulan yang terdiri daripada Ahli-ahli PKWE DBM iaitu lima kumpulan lelaki dan tujuh kumpulan wanita.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Awang Haji Abu Bakar bin Burut dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengurus PKWE DBM, Awang Haji Mohd. Yussof bin Mohd. Salleh.

Sebelum penyempurnaan sesi penyampaian hadiah dan saguhati kepada para peserta serta penghargaan kepada hakim-hakim pertandingan oleh tetamu kehormat, majlis turut diserikan dengan persembahan tausyeh oleh Ahli-ahli PKWE DBM.

Dengan penganjuran Pertandingan Dikir Asyrakal ini dalam kalangan Ahli-ahli PKWE DBM, ia bukan sekadar sebagai persembahan seni suara keagamaan tetapi juga sebagai wadah pendidikan moral dan rohani khususnya bagi generasi kini dan juga yang akan datang.

ASEAN PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DALAM KESELAMATAN SERANTAU

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Sabtu, 14 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) baru-baru ini telah mengesahkan komitmennya terhadap kerjasama keselamatan serantau di Mesyuarat Second ASEAN National Security Advisers' Meeting (NSAM2) yang berlangsung di Manila, Republik Filipina.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh National Security Adviser dan Director-General of the National Security Council, Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Eduardo San Lorenzo Oban Jr.

Delegasi NBD diketuai oleh Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad, selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara serta pegawai-pegawai kanan dari JPM.

Mesyuarat NSAM merupakan platform dialog strategik yang menghimpunkan Penasihat-penasihat Keselamatan Negara-negara Anggota ASEAN serta Pegawai - pegawai Kanan ASEAN yang bertanggungjawab terhadap dasar keselamatan negara.

Platform ini berperanan sebagai wadah bagi pertukaran pandangan penilaian mengenai isu-isu keselamatan yang menjadi kepentingan bersama, di samping memperkukuh persefahaman serta kerjasama strategik dalam kalangan Negara-negara Anggota ASEAN.

Semasa mesyuarat tersebut, Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM telah mengetengahkan beberapa perkembangan dan cabaran keselamatan yang menjadi perhatian NBD, khususnya ketidaktentuan geopolitik dan persaingan strategik kuasa-kuasa besar.

Beliau turut menyentuh mengenai ancaman campur tangan asing, perkembangan ekstremisme pengganasan dan radikalisasi dalam talian khususnya dalam kalangan belia serta jenayah terancang rentas sempadan termasuk pemerdagangan orang, penipuan dalam talian, pengubahan wang haram dan pengedaran dadah.

Selain itu, beliau turut menekankan kepentingan pendekatan menyeluruh yang melibatkan agensi - agensi kerajaan, institusi pendidikan, keluarga dan masyarakat dalam memperkukuh daya tahan negara terhadap ancaman - ancaman berkenaan.



DELEGASI Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara serta pegawai-pegawai kanan dari JPM.

Semasa berada di Republik Filipina, Ketua Delegasi NBD juga telah mengadakan pertemuan dua hala dengan Tuan Yang Terutama Eduardo San Lorenzo Oban Jr. pada 12 November 2026.

Pertemuan tersebut telah membincangkan usaha untuk memperkukuhkan kerjasama dua hala dalam menangani isu-isu pemerdagangan orang, pengganasan dan radikalisasi dalam talian serta jenayah rentas sempadan yang lain.

Mesyuarat NSAM2 telah dihadiri oleh Ketua-ketua Delegasi dan Pegawai-pegawai Kanan dari Negara-negara Anggota ASEAN serta wakil Sekretariat ASEAN.

Memupuk budaya menghormati, menghargai profesion perguruan

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 November. – Sebagai penghargaan atas segala jasa dan pengorbanan para tenaga akademik, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Persatuan Pelajar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Majlis Sambutan Hari Guru 1448 Hijrah / 2026 Masihi, peringkat KUPU SB.

Majlis berlangsung di Dewan Tarbiah, kolej universiti berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad.

Seiring dengan tema 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi', majlis diserikan dengan persembahan daripada para mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB di samping tayangan video ucapan Hari Guru.

Selain mengeratkan silaturahim antara para tenaga akademik dan mahasiswa serta mahasiswi, majlis berkenaan juga dapat memupuk nilai hormat, terima kasih dan penghargaan terhadap profesion perguruan.

Lebih daripada itu, ia juga memberi penghormatan serta pengiktirafan kepada sumbangan, pengorbanan dan dedikasi para guru secara menyeluruh dalam mendidik anak bangsa serta membangunkan modal insan dan negara.



MAJLIS Sambutan Hari Guru 1448 Hijrah / 2026 Masihi Peringkat KUPU SB dihadiri oleh Ra'es KUPU SB selaku tetamu kehormat majlis.

HALUAN

>> Muka 2

Manakala di Negara Brunei Darussalam, Alhamdulillah, setiap Ramadan, sebahagian pelajar dan alumni Institut berkhidmat sebagai imam solat tarawih di masjid-masjid. Semoga sumbangan ini menjadi amal jariah, bumi Darussalam disirami keberkatan dan mereka dikurniakan syafaat Al-Quran. Dari segi kerjaya, alumni Institut kini berkhidmat dalam sektor kerajaan dan swasta. Sebahagian lepasan Diploma 'Aliyah Qiraat kembali mencurahkan bakti sebagai tenaga pengajar, sama ada di peringkat menengah mahupun diploma di Institut ini.

Sebahagian yang lain berkhidmat sebagai imam, anggota beruniform, pegawai dalam bidang kewangan dan dalam pelbagai jawatan lain. Kepelbagaian laluan kerjaya ini menggambarkan bahawa latar belakang pengajian tahfiz tidak membataskan ruang sumbangan para graduan, bahkan menjadi nilai tambah dalam perkhidmatan mereka.

Di samping sumbangan para alumni, Institut turut memperluas khidmatnya kepada masyarakat. Pada masa ini, Kelas Pengajian Braille disertai oleh tujuh orang peserta. Pengajiannya merangkumi hafazan Al-Quran, di samping kategori pembelajaran asas-asas ugama seperti fiqh dan tauhid, serta latihan asas menaip Braille. Institut juga mengendalikan Pengajian Menghafaz Al-Quran bagi orang awam pada setiap hari Jumaat yang mana pada masa ini pelajarnya berjumlah seramai 183 orang pelajar. Kedua-dua inisiatif ini memperluas akses kepada pengajian Al-Quran secara inklusif, di samping menjadi sumbangan Institut kepada masyarakat melalui penyediaan peluang pembelajaran sepanjang hayat.

Abis hamba Duli Tuanku sekalian mendoakan semoga Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah akan terus berkembang maju dan memperkukuh sumbangannya kepada masyarakat dan negara. Sesungguhnya, penubuhan Institut ini merupakan suatu rahmat dan nikmat yang besar, lahir daripada hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk memartabatkan pengajian Al-Quran di negara ini. Amanah tersebut akan sentiasa dipelihara dengan memastikan mutu pengajian, pengurusan dan khidmat Institut terus diperkukuhkan.

Para graduan yang diraikan pada hari ini telah memperoleh peluang yang amat berharga untuk mengikuti pengajian di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sebuah institusi tahfiz kerajaan yang khusus mendidik generasi penghafaz Al-Quran di negara ini. Peluang tersebut hendaklah disyukuri dengan memelihara hafazan, mengamalkan ajaran Al-Quran dan memanfaatkan ilmu bagi kebaikan masyarakat. Sesungguhnya, hafazan Al-Quran ialah anugerah yang besar, sekali gus amanah yang menuntut kesungguhan dan istiqamah sepanjang hayat.

Hal ini bertepatan dengan janji Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengurniakan ganjaran kepada orang-orang yang bersyukur, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ali 'Imran, sebahagian daripada ayat 145: maksudnya, "Dan kami pula akan memberi balasan ganjaran kepada orang-orang yang bersyukur."

Demikianlah sembah alu-aluan hamba Duli Tuanku. Sebelum hamba Duli Tuanku menjunjung anugeraha berundur diri, sekali lagi hamba Duli Tuanku menyembahkan sembah menjunjung kasih atas keberangkatan Duli Tuanku.

Hamba Duli Tuanku seterusnya memohon perkenan menyembahkan sembah menjunjung kasih atas keberangkatan sama Paduka Adinda Duli Tuanku, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Hamba Duli Tuanku turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada sekalian tetamu terhormat, ibu bapa dan keluarga graduan, seluruh warga Institut serta semua pihak yang menjayakan majlis ini.

Pada mengakhiri sembah alu-aluan ini, hamba Duli Tuanku dengan rendah diri menyembahkan berbanyak-banyak menjunjung ampun bagi sebarang sembah dan suruk langkah yang tiada majalis sepanjang Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-14 pada pagi ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
Perkhidmatan Penyediaan Permakanan Sepanjang Aktiviti Field Training Exercise (FTX) Bagi Asean Defence Minister's Meeting Plus Experts Working Group On Peace Keeping Operations Kali Ke 22 (22ND ADMM PLUS EWG ON PKO), 5TH CYCLE 2024-2027.

Yuran Tawaran:
BND 10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Isnin, 16 November 2026 sebelum jam 9.00 pagi.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 17 November 2026
Sebelum 2.00 Petang

PUSAT PEMBANGUNAN BELIA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
11 / 2026 / KKBS / PPB / 13

Tajuk Sebut Harga:
Kontrak Penggal (24) Bulan Bagi Pembekalan Dan Penghantaran Ink Cartridge & Toner Di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Khamis, 19 November 2026

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Keterangan Projek:
1. Membekal Perabot-Perabot Pejabat
2. Membekal Kabinet-Kabinet Fail
3. Membekal Peralatan-Peralatan Pejabat Iaitu A3 Laminate Machine Dan Heavy Duty Paper Shredder

Yuran Tawaran :
BND5.00 (Non-Refundable)

Bilangan Tawaran:
a) 9.1 / BBS / SH / BPL / PP / 2026 - 2027
b) 12.1 / BBS / SH / BPL / PP / 2026 - 2027
c) 14.1 / BBS / SH / BPL / PP / 2026 – 2027

Tarikh Tutup:
Selasa,
1 Disember 2026

JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2026 – 2027 / 30 / SOBPP / 04

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Pembelian Dan Penghantaran Barang Dan Peralatan "Surface Cleaner" Serta "High Pressure Cleaner"

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 19 November 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2026 – 2027 / 26 / SPA / 16

Tajuk Sebut Harga:
Cleaning, Repairing, Hoarding And Installing Lighting At Multi-Storey Car Park, Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 19 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

1. Bilangan Sebut Harga:
(18) PIHMH / KEW / 008

Keterangan:
Renovation Works For Multipurpose And Conference Room At Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong

Class And Category:
Class II And Above / Category B01 & KA01, E01 & M01

2. Bilangan Sebut Harga:
(125) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Exhibition Display Board For Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health

3. Bilangan Sebut Harga:
(126) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Consumable Items For Central Sterile Supply Department (CSSD), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Three (03) Years Usage (Non-Clustering) – Part 2

4. Bilangan Sebut Harga:
(127) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Delivery Of Trolleys For Wards And Clinics At Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

5. Bilangan Sebut Harga:
(128) PSD / QTN / 2026 – (PHARM)

Keterangan:
Close-Circuit Television (CCTV) Surveillance System For Pharmacy Section, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital Kuala Belait

6. Bilangan Sebut Harga:
DSS / HS / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 059 (FDS)

Keterangan:
To Supply And Deliver Analytical Columns For HPLC To Food Chemistry Laboratory, Department Of Scientific Service, Ministry Of Health

7. Bilangan Sebut Harga:
JPKAS / IKLAN / 26 – 27 / 06

Keterangan:
Anti-Termite Treatment Works At Pejabat Kesihatan Kuala Belait

8. Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1763) / 2026 / HTD (B8)

Keterangan:
To Repair Eleven (11) Units Of Jaundice Meter, Brand: Konica Minolta, Model: JM-103 At WCC RIPAS Hospital

9. Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1775) / 2026 / HTD (B8)

Keterangan:
To Repair One (1) Unit Of Baby Resuscitaire Radiant Warmer, Brand: Drager Airshields, Model: RW-82 At Ward 31 WCC RIPAS Hospital

10. Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1776) / 2026 / HTD (B9)

Keterangan:
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Unit Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME1785 (S/N: FB14I0012) At Room 14 Block B National Dental Centre For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

11. Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1777) / 2026 / HTD (B9)

Keterangan:
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Unit Of Kavo Dental Chair, Model: E70T, BME1328 (S/N: 20101246) At Room 6 Block B National Dental Centre For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
28 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERANCANG EKONOMI DAN STATISTIK KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga:
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM / 06

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Bagi Pengubahsuaian Struktur Pejabat Untuk Mendirikan Dinding Pembahagi Dan Membina Bilik Courtesy Call Di Tingkat 2, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI)

Tarikh Buka:
4 November 2026, Rabu

Tarikh Tutup:
18 November 2026, Rabu

JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

JPH / 001 / SH / 2593 / 2026 - 2027
Membekalkan Pelan Insurans / Takaful Berkelompok Bagi Pegawai Dan Kakitangan Bahagian Ameniti dan Perkhidmatan Perhutanan, Bahagian Hidupan Liar dan Seksyen Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Perhutanan

Tarikh Tutup:
Khamis, 10 Disember 2026
Jam 2.00 petang

JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Sebut Harga / Tawaran Bagi Perbekalan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan

Bilangan:
20 / 2026 - 2027
Supply And Delivery Of Lexmark CS921de/CX921de Toner Cartridge & Photoconductor

Tarikh Tutup:
24 November 2026, Selasa
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
(38) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / CSSD
Supply And Delivery Office Equipments For Central Sterilise Services Centre (CSSD) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital (Non-Clustering)

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
(123) PSD / QTN / 2026 – (JDP)
Pengiklanan Bagi Pembekalan Table Calendar
Kementerian Kesihatan

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1771) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Two (2) Units Of DURR Dental Suction, Model VS 300 S (7122-02/002), BME1680 At Block A Room 6 And BME20079 At Block B Room 3 National Dental Centre For Department Of Dental Services,
Ministry Of Health

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1770) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Unit Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME1143 (S/N: FB11J0028) At Room 7, RIPAS Specialist Banglow 2 For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
MOH / HPC / QTN / 26-27 (14)
Social Media Content Creation

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 27
Design, Fabrication, Supply And Installation Works For The Enhancement Of Visitor Experience At Wasai Belulok & Wasai Teraja Eco Trails, Mukim Labi, Belait

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
26 November 2026
Jam 2.00 Petang

And Management Services For Health Promotion Centre, Ministry Of Health For Two (2) Years (Clustering)

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
(124) PSD / QTN / 2026 – (JKPPP)
Supply, Delivery, Installation And Testing Of Card Printer And Supply Of Consumables

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
(11) PPN / QTN / 2026 (BME)
Supply And Delivery Fixed-Frequency Dental Scaler Handpiece For Department Of Dental Services,
Ministry Of Health

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 113 / 2026
1) Prednisolone acetate 1% eye drop - Qty: 3,000 x 5ml

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 114 / 2026
1) Vitamin B12 (hydroxocobalamin) 1mg/ml injection - Qty: 150 x 3's
2) Activated Aqueous Charcoal Suspension - Qty: 100 x 50g

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 115 / 2026
1) Dabigatran 75mg oral solid preparation preferably scored tablet - Qty: 40 x 30's
2) Dexamethasone 0.5mg oral solid preparation preferably tablet - Qty: 10 x 1,000's

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 116 / 2026
1) Magnesium Sulphate Injection - Qty: 20 x 10's
2) Fat soluble vitamins (Vit A, D, E, K) for infants as Vitalipid infant injection or its equivalent x 10mls - Qty: 15 x 10's

Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 117 / 2026
1) Mirtazapine 15mg oral solid preparation preferably scored tablet - Qty: 1,500 x 28's
2) Digoxin 0.25mg/ml injection - Qty: 200 x 5's

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,
21 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah Dan Program Harapan

MOE / LTK / 55 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Anak-Anak Askar Batalion II, Tutong Kem
2. Sekolah Rendah Binturan
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Kod Blok : SM / 62
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

MOE / LTK / 56 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Labi, Kg Gatas Labi
2. Sekolah Rendah Merangking
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Kod Blok : SM / 51
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 57 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Makan Tengah Hari Secara Tapau Bagi Program Harapan
Sekolah Menengah Awang Semaun
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Kod Blok : PH/T1
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

MOE / LTK / 58 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan:
1. Sekolah Rendah Puni
2. Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi
3. Sekolah Rendah Rataie
Daerah Temburong
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / ST9
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi Bilangan MOE / LTK / 55 / 2026 / 2027 Hingga MOE / LTK / 58 / 2026 / 2027 Adalah BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 59 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi Sekolah Rendah Saba Darat B
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : SM / 05
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 60 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi Sekolah Rendah Serasa, Muara
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : SM / 12
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 61 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin, Sg Besar
Sekolah Rendah Batu Marang
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : SM / 14
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 62 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
Sekolah Rendah Sg Teraban
Sekolah Rendah Muhammad Alam, Seria
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : SM / 48
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 63 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal, Menghantar Dan Mengagih Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Agih Bagi
Sekolah Rendah Kuala Belait
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Kod Blok : SA / 01
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 64 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal, Menghantar Dan Mengagih Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Agih Bagi
Sekolah Rendah Pg Setia Negara Pg Hj Mohd Yusof
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Kod Blok : SA / 02
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi Bilangan MOE / LTK / 59 / 2026 / 2027 Hingga MOE / LTK / 64 / 2026 / 2027 Adalah BND30.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 65 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Danau
2. Sekolah Rendah Tumpuan Telisai
3. Sekolah Rendah Abdul Rashid Tanjong Maya
4. Sekolah Rendah Lubuk Pulau
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : SM / 42
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 66 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja, Kupang
2. Sekolah Rendah Birau
3. Sekolah Rendah Bekiau
4. Sekolah Rendah Batang Mitus
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : SM / 43
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 67 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi
Sekolah Rendah Pg Setia Jaya
Pg Haji Abd Momin, Kg Pandan
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Kod Blok : SM/53
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi Bilangan MOE / LTK / 65 / 2026 / 2027 Hingga MOE / LTK / 67 / 2026 / 2027 Adalah BND50.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa
17 November 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / AMS / 068 / 2026

Tajuk Tawaran :
Cleaning Services At Department Of Electrical Services Tutong (New & Old Building) For A Period Of Sixty (60) Months

Tarikh Ditutup:
24 November 2026 (Selasa)
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(131) INFO / PK / K / 7 (2026-2027)
Mencetak Buku Haluan 2025

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
19 November 2026,
Jam 8.00 Pagi

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 051 / 2026

Tajuk:
Replacement Of 11KV Switchgear At Lamunin Main Intake Station In Tutong District

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam kelas 3,4 atau 5, dalam Kategori E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 063 / 2026

Tajuk:
Provision Of Security Guards Services For 66 / 11KV Substations Statewide Over A Period Of Sixty (60) Months

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 November 2026

Harga Tawaran:
BND1000.00
(Tidak Dikembalikan)

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas II atau Keatas dan Kategori Kerja KPB01 bagi:

Nama Projek :
Kerja-Kerja Topographical Survey Dan Penyelidikan Tanah Bagi Cadangan Projek Rintis Program Rumah Impian Di Perumahan Negara Kg. Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam

Bil. Projek:
JKP / 13 / 2026

Tender Information Pack boleh dipohonkan dan didapati dengan menghantar e-mel kepada *tender.jkp@hdd.gov.bn*.

JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 63 / 2026
Tawaran Pakej Pengendalian Persembahan Bagi Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke 81 Tahun 2027.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

Tarikh Buka Tawaran:
4 November 2026 (Rabu)

Tarikh Tutup Tawaran:
17 November 2026 (Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00 [Tidak dikembalikan]

Yuran E-Dokumen:
BND5.00 [Tidak dikembalikan]
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek:
22 / BBS / SH / 2026 - 2027
Upgrading Electrical Main Cables At Royal Dais, Jalan Sultan, Kuala Belait

Kategori:
E01 – Pemasangan Pendawaian Elektrik / Electrical Wiring Installation
E02 – Pemasangan Voltan Rendah / Low Voltage Electrical Works

Kelas:
I / II

Yuran Tawaran:
BND5.00 (*Non Refundable*)

Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek:
23 / BBS / SH / 2026 - 2027
Kerja-Kerja Pembinaan Struktur Perlindungan Utiliti Di Kawasan Perkhidmatan Dan Pemeliharaan Kawasan, Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Kategori:
B01
Kerja-Kerja Bangunan / Building Works

Kelas:
I / II

Yuran Tawaran:
BND5.00 (*Non Refundable*)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
8 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575
Perkhidmatan Mencetak, Membekal Dan Menghantar Cenderamata Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
9 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575
Membekal Perkhidmatan Pendigitalan Bahan Rekod Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (*pen*BORNEO) Pusat Sejarah Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
10 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575
Membekal Perkhidmatan Pemeliharaan, Pemuliharaan Dan Pembersihan Makam-Makam Sultan Brunei Di Bawah Kawalan Pusat Sejarah Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
11 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575
Perkhidmatan Pembekalan, Penggantian Dan Pemasangan Alat Pendingin Hawa Di Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (*pen*BORNEO), Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
12 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575
Membekal Perkhidmatan Mengecat Semula Dan Penyelenggaraan Fasad Bangunan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
13 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575
Membekal Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Kerja-Kerja Pembaikan Sistem Paip Utama (Main Pipe) Bangunan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
14 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575
Kerja-Kerja Menaik Taraf Dan Mengkonkrit Lantai Di Sebahagian Sekitar Kawasan Bangunan Pusat Sejarah Brunei Dan Pusat Pengkajian Borneo, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
15 / NOVEMBER / 2026 / PSB / PD.575 :
Kerja-Kerja Menaik Taraf Dan Membina Pagar Di Kawasan Tempat Letak Kereta (Belakang) Bangunan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
19 November 2026
Jam 2.00 Petang

PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(15) NDMC / TSH / 2026 - 2027
Perkhidmatan Jamuan Untuk Petugas Yang Berkhidmat Dalam Pengurusan Bencana Koordinasi Di Daerah-Daerah Dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC)
[Makanan Dan Minuman – Secara Tapau dan Berhidang]
Bagi Tempoh Dua (02) Tahun

Tarikh Tutup:
Rabu, 18 November 2026

KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KEPI / BKSM / JKSH / HRD / 2 / 2026-2027
Mengendalikan Latihan Align, Achieve & Excel: Strategic Direction, KPI Setting And Team Experience

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
26 November 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

IMBASAN MINGGUAN



PERSEMBAHAN khas lagu tema Visit Brunei Year 2027, 'The Abode of Peace' serta lagu tema Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026 yang dipersembahkan semasa Majlis Pembukaan Rasmi SKBD Ke-V 2026 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SEBAHAGIAN daripada penerima Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-46 yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



PARA pengunjung turut memeriahkan Festival Kebudayaan Jepun 2026 anjuran Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Times Square Shopping Centre. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

AKSI semasa Perlawanan Tarik Kalat Peringkat Akhir Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-V, Tahun 2026 yang diadakan di Kompleks Sukan Sungai Kebun. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



ANTARA aksi Perlawanan Sepak Takraw Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-V, Tahun 2026 yang berlangsung di Kompleks Sukan Sungai Kebun. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



PESERTA yang terdiri daripada para pelajar sekolah menengah semasa menyertai Program Kesedaran Bantuan Pernafasan dan Tekanan Dada (CPR) serta Penggunaan Alat Kejutan Elektrik Automatik Luaran (AED) anjuran Kementerian Kesihatan menerusi Unit Pembangunan dan Pemantauan Resusitasi (RDMU) yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan. - Foto : Siti Rokiah Abdullah.

SETIAP TINDAKAN RANTAIAN KELANGSUNGAN HIDUP PENTING SELAMATKAN NYAWA

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan semasa berucap pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 November. - Apabila serangan jantung berlaku, peluang untuk hidup ditentukan dalam tempoh beberapa minit, bukannya beberapa jam.

Malahan, ia bergantung pada keupayaan individu yang berada berdekatan untuk mengenal pasti kecemasan tersebut, memulakan tekanan dada dan mendapatkan *defibrilator* serta pasukan terlatih yang bersedia untuk mengambil alih tindakan menyelamatkan nyawa.

Setiap tindakan ini merupakan satu rangkaian dalam kesinambungan rantaian kelangsungan hidup (*chain of survival*). Jika salah satu rangkaian lemah, nyawa mungkin terkorban. Namun, jika setiap rangkaian kukuh, nyawa seseorang berpeluang untuk diselamatkan.

Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif selaku tetamu kehormat menekankan demikian dalam ucapannya pada pelancaran Persidangan Resusitasi Kebangsaan 2026 (National Resuscitation Conference 2026) yang diadakan di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, di sini.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) jelasnya lagi, data tempatan menunjukkan bahawa lebih tujuh daripada setiap 10 kes serangan jantung berlaku di luar hospital. Dalam keadaan sedemikian, peluang untuk menyelamatkan nyawa seseorang bergantung terlebih dahulu kepada individu yang berada berhampiran.

Dr. Hajah Rafidah seterusnya berkata, orang awam di tempat kejadian hanya mampu memulakan rantaian kelangsungan hidup. Tanggungjawab untuk meneruskan dan melengkapkan proses tersebut terletak pada tenaga kerja penjagaan kesihatan kita.

"Oleh itu, latihan yang mencukupi, penyediaan peralatan yang bersesuaian serta pematuhan terhadap piawaian yang jelas kepada mereka amat penting dalam usaha menyelamatkan nyawa," ujarnya lagi.

Acara diteruskan dengan pelancaran persidangan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Persidangan Resusitasi Kebangsaan 2026 berkenaan dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan, melalui Unit Pembangunan dan Pemantauan Resusitasi (Resuscitation Development and Monitoring Unit-RDMU), dengan kerjasama Persatuan Jantung Amerika (American Heart Association-AHA).

Persidangan berkenaan menandakan pelaksanaan Garis Panduan AHA 2025 bagi Resusitasi Kardiopulmonari (Cardiopulmonary Resuscitation-CPR) dan Penjagaan Kardiovaskular Kecemasan di NBD.

Kira-kira 250 doktor, jururawat, paramedik, dan profesional kesihatan bersekutu daripada kemudahan kesihatan kerajaan dan swasta telah menyertai persidangan tersebut.

Persidangan tersebut diikuti dengan ucapan daripada Ketua RDMU, Dr. Linawati binti Haji Jumat, merangkap Pengerusi Saintifik persidangan berkenaan.

Seterusnya, diikuti dengan rakaman ucaptama daripada Naib Presiden Kanan bagi Perniagaan Antarabangsa di AHA, Gareth Patrickson.

Kemudian diteruskan dengan syarahan ucaptama yang bertajuk 'Hands That Save : From First Compression to Recovery' yang disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Kumpulan Penulis Garis PanduanSokongan Hayat Lanjutan (Advanced Life Support) dan penulis utama Garis Panduan AHA 2025 bagi Sokongan Hayat Lanjutan, Dr. Jane G. Wigginton.

Turut hadir sebagai ahli panel antarabangsa ialah Pengarah Pendidikan dan Kualiti AHA bagi rantau Asia Pasifik dan Republik Rakyat China, Dr. Neil Huerbin.

Semasa majlis tersebut, tetamu kehormat majlis juga menyampaikan cenderamata penghargaan kepada para penceramah dan moderator.

Seramai lapan petugas kesihatan turut diberikan penghargaan atas inisiatif mereka memberikan bantuan CPR ketika di luar waktu bertugas bagi menangani tiga kejadian serangan jantung yang berasingan. Insiden-insiden tersebut berlaku di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, pada Oktober 2026, di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada Mei 2026 dan semasa acara Borneo Half Marathon pada Ogos 2025.

Selepas majlis perasmian, tetamu kehormat majlis juga berkesempatan mengadakan lawatan ke reruai pameran yang mengetengahkan demonstrasi praktikal kemahiran yang diajar dalam kursus-kursus resusitasi anjuran Kementerian Kesihatan serta pameran daripada rakan kongsi industri dan persatuan-persatuan profesional.

Program saintifik tersebut merangkumi perbincangan mengenai kes serangan jantung di luar dan di dalam hospital, perkembangan utama yang diperkenalkan dalam Garis Panduan AHA 2025 serta kaedah resusitasi bagi kanak-kanak, wanita hamil dan situasi-situasi khusus yang lain.

Dr. Neil Huerbin turut menyampaikan perkongsian mengenai latihan kepada penyedia penjagaan kesihatan dan pelaksanaan garis panduan yang telah dikemas kini.

Sesi pleno penutup menampilkan perbincangan panel pakar yang bertajuk 'Membina Negara yang Bersedia untuk Melakukan Resusitasi: Tanggungjawab Bersama Semua Pihak' (Building a Nation Ready to Resuscitate: All Hands on Deck).

Turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; dan Pengerusi Resuscitation Updates 2026 dan Pengerusi Lembaga Resusitasi Kebangsaan, Dr. Hajah Lailawati binti Haji Jumat; Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Dr. Hajah Siti Nasibah binti Pengiran Haji Ismail, merangkap Timbalan Pengerusi Resuscitation Updates 2026 serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kesihatan.

Persidangan berkenaan merupakan sebahagian daripada Resuscitation Updates 2026, yang akan diteruskan dengan Program AHA Paediatric Advanced Life Support Faculty Development yang bermula dari 16 hingga 19 November 2026.



ANTARA reruai pameran yang mengetengahkan demonstrasi praktikal kemahiran yang diajar dalam kursus-kursus resusitasi anjuran Kementerian Kesihatan serta pameran daripada rakan kongsi industri dan persatuan-persatuan profesional.

Malam Prihatin mendukung usaha, perjuangan MKM



MALAM Prihatin anjuran Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 November. - Malam Prihatin anjuran Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, mendapat sambutan yang sangat menggalakkan apabila tiket-tiket bagi acara tersebut telah habis terjual.

Acara makan malam itu turut diserikan dengan persembahan hiburan oleh artis-artis tempatan.

Yang Dipertua MKM, Awang Mohd. Yusof Shaik Abdul Halim berkata, acara Malam Prihatin adalah bagi menyokong usaha dan perjuangan MKM.

Ditubuhkan pada tahun 2009, MKM komited dalam memberikan khidmat dan bantuan kepada golongan yang menghadapi kesusahan di Negara Brunei Darussalam di samping memperluaskan misi kemanusiaan hingga ke luar negara.

"Terima kasih kerana sudi bersama-sama kami pada malam ini serta membantu menterjemahkan keprihatinan terhadap insan yang memerlukan kepada bentuk sokongan dan bantuan yang nyata," ujarnya.

Asas kepada segala usaha ini, tambahnya, berlandaskan satu keyakinan yang sederhana tetapi amat bermakna, iaitu sesebuah masyarakat akan menjadi lebih kuat apabila setiap ahlinya mengambil berat terhadap golongan yang kurang bernasib baik.

"Kemiskinan tidak seharusnya menghilangkan maruah seseorang mahupun menjadikan harapan mereka sukar untuk dicapai.

"Apabila kita menghulurkan bantuan kepada mereka yang sedang menghadapi kesusahan, kita bukan sahaja meringankan beban mereka pada hari ini, malah turut memberikan dorongan dan harapan untuk mereka melangkah ke hari esok dengan lebih yakin," terangnya lagi.

Pada masa ini, MKM mempunyai lebih daripada 400 buah keluarga berdaftar di seluruh negara yang berada di bawah perhatian dan jagaannya.

Setiap keluarga mempunyai kisah kehidupan dan beban tersendiri yang mungkin tidak diketahui oleh orang lain. Justeru, MKM berusaha membantu mereka dengan penuh rasa hormat, keprihatinan dan kefahaman agar mereka dapat mengharungi kesukaran hidup serta membina masa depan yang lebih terjamin.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan Majlis Kesejahteraan Masyarakat

Pendidikan pula kekal menjadi salah satu keutamaan utama MKM, di mana sejak tahun 2015, MKM telah menyediakan sarapan pagi kepada 300 orang murid sekolah di negara ini pada setiap hari persekolahan.

Selain itu, MKM turut membantu kanak-kanak yang tidak mempunyai akses kepada pendidikan percuma serta memberikan bantuan berupa buku, pakaian seragam sekolah dan pengangkutan ke sekolah.

Keperluan asas yang kelihatan sederhana ini sebenarnya mampu membawa perubahan besar dalam kehidupan seseorang. Antaranya, memastikan seorang anak dapat hadir ke sekolah dengan lebih bersedia untuk belajar, meringankan beban ibu bapa dan memastikan peluang pendidikan mereka terus terpelihara.

Sejak tahun 2018, MKM juga telah memberikan sokongan kepada sebuah kem pelarian Rohingya di Cox's Bazar, Republik Rakyat Bangladesh. Di sana, MKM mengendalikan sebuah sekolah yang menyediakan pendidikan kepada kira-kira 400 orang pelajar.

Bagi kanak-kanak ini, bilik darjah bukan sekadar tempat menimba ilmu, malah menjadi ruang untuk mereka membina keyakinan diri, merasai kehidupan yang lebih terjamin serta mengimpikan masa depan yang lebih baik di sebalik kesusahan yang mereka hadapi.

Usaha bantuan MKM turut merangkumi penyediaan bekalan makanan asas setiap bulan kepada 80 buah keluarga yang memerlukan.

Sepanjang bulan Ramadan pula, MKM menyediakan sebanyak 800 hidangan berbuka puasa setiap hari di Negara Brunei Darussalam dan 1,000 hidangan sehari di Republik Rakyat Bangladesh.

Di samping itu, program pemerkasaan ekonomi yang dilaksanakan turut membantu keluarga menjana pendapatan tambahan, sekali gus meningkatkan keyakinan mereka untuk berdikari dan menyara kehidupan sendiri.

Melalui segala usaha ini, MKM bukan sahaja berhasrat meringankan kesusahan yang dihadapi pada masa kini, malah turut membantu golongan yang memerlukan untuk membina kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan.

Segala usaha ini tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa kemurahan hati dan keprihatinan semua pihak. Setiap sumbangan yang diamanahkan kepada MKM membawa tanggungjawab besar untuk disalurkan dengan penuh amanah, keikhlasan, ketelitian dan rasa tanggungjawab.



Menjejaki keindahan ruang pameran Majlis Ilmu 2026 beridentiti kebruneian

SIRI 2

Rencana dan Foto : Nurdiyanah Rajami

PAMERAN Majlis Ilmu pada tahun ini mengetengahkan pelbagai usaha yang berterusan daripada kementerian-kementerian dan sektor swasta bagi mengukuhkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai tonggak kedaulatan negara.

Bertemakan konsep digital dan interaktif, pameran ini dibahagikan kepada enam kluster utama, iaitu Menghayati Sejarah Negara Melayu Islam Beraja; Mengukuhkan Kesetiaan kepada Ugama, Raja dan Negara; Mempertahankan Keyakinan terhadap Nilai-nilai Islam; Memelihara Keharmonian Sosial; Menghayati Amalan Tradisi Berbaik-baik; dan Menghayati Warisan Budaya dan Tradisi yang tidak bercanggah dengan agama Islam. Tema bagi enam kluster ini merupakan elemen MIB yang menjadi tonggak kepada kedaulatan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dalam ruang pameran Kluster Pertama berjudul 'Menghayati Sejarah Negara MIB' yang dipersembahkan oleh Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB antaranya mempamerkan sejarah bermulanya MIB di NBD. MIB diisytiharkan secara rasmi sebagai falsafah negara pada 1 Januari 1984. Namun, sejarah membuktikan bahawa MIB di NBD mula diterapkan sejak pemerintahan Sultan Brunei yang pertama, iaitu Sultan Awang Alak Betatar yang telah memeluk agama Islam sehingga dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah pada tahun 1368M. Dari sejak itu, terbentuklah pemerintahan yang bercorak Kesultanan Melayu Islam.

Menuju ruang pameran dalam Kluster Kedua yang mengetengahkan tajuk 'Mengukuhkan Kesetiaan kepada Ugama, Raja dan Negara' menyerlahkan pengukuhan kesetiaan kepada agama, raja dan negara yang merupakan nilai MIB, menekankan hubungan erat antara rakyat dengan institusi pemerintahan, serta tanggungjawab bersama dalam mengekalkan keamanan, kestabilan dan kemajuan negara; dan kesetiaan yang utuh dalam kalangan rakyat dan penduduk merupakan antara tonggak ke arah kedaulatan negara. Pameran dalam kluster ini dipersembahkan oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Jabatan Mufti Kerajaan dan Pusat Sejarah Brunei.

Dalam ruang pameran Kluster Ketiga dengan menampilkan tajuk 'Mempertahankan Keyakinan Terhadap Nilai-Nilai Islam' telah dipersembahkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Bank Islam Brunei Darussalam dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei. Pameran dalam kluster ini antaranya menyentuh mengenai selepas kemerdekaan NBD pada tahun 1984, kedudukan agama Islam semakin diperkukuhkan melalui pelbagai dasar dan institusi negara yang menyokong pembangunan kehidupan berteraskan nilai Islam. Ia juga mempamerkan usaha mempertahankan cara hidup bermasyarakat dan bernegara yang bersendikan ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Sementara itu, tajuk 'Memelihara Keharmonian Sosial' telah menghiasi ruang pameran bagi Kluster Keempat yang dipersembahkan oleh Kementerian Kewangan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pembangunan, Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) di bawah Sistem Kebajikan Negara. Ruang pameran bagi kluster ini telah mengetengahkan bahawa di NBD, keharmonian sosial ialah hasil daripada pengamalan nilai-nilai MIB yang menekankan perpaduan, toleransi dan kesejahteraan bersama. Keharmonian sosial mewujudkan suasana kehidupan yang aman, mengurangkan konflik, saling menghormati antara satu sama lain dan memperkukuhkan hubungan sesama manusia. Pameran dalam kluster ini mempamerkan usaha dan inisiatif kerajaan dalam menjaga keharmonian sosial yang menjadi sebahagian daripada tonggak pembangunan dan kedaulatan negara secara menyeluruh.

Sifat amalan berbaik-baik merupakan amalan masyarakat Brunei dan berperanan penting dalam mewujudkan keharmonian sosial, memperkukuhkan perpaduan serta mengekalkan kestabilan negara. Budaya hormat-menghormati dan berbaik-baik ini turut menjadi asas dalam hubungan diplomatik NBD dengan negara serantau dan antarabangsa, selaras dengan pendekatan diplomasi yang mengutamakan persefahaman, kerjasama dan hubungan persahabatan yang berkekalan. Perkara berkenaan antara yang dimuatkan dalam ruang pameran bagi Kluster Kelima iaitu 'Menghayati Amalan Tradisi Berbaik-baik'. Selain itu, dalam era digital dan kecerdasan buatan yang berkembang pesat telah mengubah cara manusia berinteraksi, berkomunikasi dan memperoleh maklumat. Pameran dalam kluster ini dipersembahkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Menjejaki ruang pameran bagi kluster terakhir iaitu 'Menghayati Warisan Budaya dan Tradisi' yang telah dipersembahkan oleh KKBS antaranya menyentuh bahawa menghayati warisan budaya dan tradisi yang tidak bercanggah dengan agama Islam merujuk kepada segala bentuk nilai, adat, bahasa, kesenian, institusi dan amalan kehidupan masyarakat Brunei yang diwarisi daripada generasi terdahulu serta selaras dengan konsep MIB, iaitu budaya Melayu yang diamalkan selaras dengan nilai keislaman dan menghormati sistem beraja.

Secara kesimpulannya, Pameran Majlis Ilmu 2026 memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai peranan MIB sebagai asas pembentukan identiti kebangsaan, pembangunan negara dan kedaulatan NBD. Menerusi pameran ini juga, masyarakat akan lebih memahami bahawa MIB bukan hanya tertumpu kepada nilai-nilai murni, adat dan tradisi semata-mata bahkan merangkumi nilai yang lebih luas seperti kesetiaan kepada agama, raja dan negara, keyakinan terhadap nilai-nilai Islam, memelihara keharmonian sosial, penghayatan amalan tradisi berbaik-baik serta penghayatan warisan, budaya dan tradisi yang tidak bercanggah dengan agama Islam. Kesemua nilai ini saling melengkapi dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu, berakhlak mulia dan beridentiti kebruneian.

PELITA BRUNEI



Tingkatkan kesedaran pengurusan ubat secara bertanggungjawab

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Ihsan Kumpulan Action Hearts

PEMBUANGAN ubat-ubatan secara tidak betul merupakan isu yang kurang diberi perhatian, namun boleh menimbulkan risiko terhadap kesihatan awam dan alam sekitar. Ubat yang tidak digunakan atau telah mansuh lazimnya disimpan di rumah atau dibuang ke dalam tong sampah, sinki dan tandas, sekali gus meningkatkan risiko keracunan tanpa sengaja, penyalahgunaan ubat, pembaziran ubat serta pencemaran sumber air dan alam sekitar.

Isu pengurusan dan pembuangan ubat-ubatan yang mansuh atau tidak digunakan didapati jarang mendapat perhatian, walaupun ia sebenarnya merupakan fenomena yang lazim berlaku di kebanyakan rumah.

Menyedari jurang kesedaran ini, Kumpulan Action Hearts telah melaksanakan projek Kempen C.A.R.E. - Creating Awareness on Responsible Management and Disposal of Expired or Unused Medicines, atau dalam bahasa Melayu, Mewujudkan Kesedaran Terhadap Pengurusan dan Pembuangan Ubat-ubatan Yang Telah Mansuh atau Tidak Digunakan Secara Bertanggungjawab. Ia memfokuskan pengurusan dan pembuangan ubat yang telah mansuh atau tidak digunakan secara selamat dan bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Kumpulan Action Hearts merupakan salah satu daripada kumpulan peserta Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan Kohort Ke-37 (EDPMMO-37), anjuran Institut Perkhidmatan Awam di bawah penyeliaan Jabatan Perkhidmatan Awam, yang berlangsung dari 29 Jun sehingga 26 September 2026.

Hasil kaji selidik

Sasaran asal *sampling* penyertaan kaji selidik Kempen C.A.R.E adalah seramai 384 responden bagi mendapatkan 95 peratus tahap keyakinan (*confidence level*) dengan 5 peratus ralat margin (*margin of error*). Namun, secara keseluruhannya kaji selidik tersebut berjaya memperolehi *sampling* penyertaan yang lebih baik iaitu seramai 426 responden termasuk penyertaan dari keempat-empat daerah dengan 95 peratus tahap keyakinan (*confidence level*) dan 4.7 peratus ralat margin (*margin of error*).

Antara dapatan-dapatan utama kaji selidik tersebut ialah 84 peratus responden menyatakan membuang ubat ke dalam tong sampah, lapan daripada setiap 10 responden tidak mengetahui bahawa ubat yang telah mansuh atau tidak digunakan sebenarnya boleh dipulangkan, manakala tujuh daripada setiap 10 responden tidak menyedari bahawa penyimpanan dan pembuangan ubat secara tidak betul boleh menjejaskan kesihatan dan alam sekitar.

Meskipun amalan semasa menunjukkan tahap kesedaran yang masih rendah, dapatan kaji selidik turut menunjukkan sokongan padu daripada orang ramai terhadap usaha ini. Pada masa yang sama, 90 peratus responden menyatakan kesediaan untuk menggunakan kemudahan pemulangan ubat sekiranya mudah diakses. Dapatan ini menunjukkan bahawa masyarakat telah bersedia untuk melakukan perkara yang betul, tetapi keperluan utama adalah peningkatan kesedaran serta penyediaan akses pemulangan ubat yang mudah dan terkawal.

Penyediaan peti pemulangan ubat

Penyediaan peti pemulangan ubat merupakan salah satu bahan sokongan inisiatif utama Kempen C.A.R.E. untuk memudahkan orang ramai memulangkan ubat yang telah mansuh dan tidak digunakan tanpa perlu beratur ke kaunter farmasi atau menunggu program pengumpulan tertentu dianjurkan. Pendekatan kaedah ini boleh membantu memupuk amalan pembuangan ubat yang bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat secara berterusan.

Penggunaan peti ini tertakluk kepada prosedur dan pengawasan Jabatan Perkhidmatan Farmasi (JPF). Jenis ubat yang boleh diterima, lokasi penempatan, kawalan akses, penguncian, pengosongan serta pengendalian kandungannya perlu ditentukan oleh pegawai farmasi yang bertanggungjawab. Ubat terkawal, ubat berbentuk cecair, benda tajam dan bahan lain yang memerlukan pengendalian khusus tidak boleh dimasukkan tanpa arahan atau pemeriksaan pegawai farmasi. Oleh itu, peti pemulangan ubat tidak dimaksudkan sebagai tempat pembuangan terbuka bagi semua jenis ubat. Orang ramai hendaklah mengikut arahan yang ditetapkan dan mendapatkan nasihat pegawai farmasi sekiranya terdapat keraguan. Pendekatan ini memastikan proses pemulangan ubat dilaksanakan dengan selamat, terkawal dan selaras dengan keperluan JPF.

Peti ini dihasilkan dan dibina sendiri oleh ahli Kumpulan Action Hearts. Ianya direka dengan slot pintu yang mudah digunakan bagi memudahkan orang ramai memulangkan ubat-ubatan mereka yang telah mansuh atau tidak digunakan secara selamat, manakala ruang simpanan di bahagian dalamnya dikunci bagi memastikan ubat yang dikumpul adalah terkawal dan tidak boleh diakses oleh mana-mana pihak yang tidak dibenarkan. Bahagian luar hadapan dan tepi sebelah kiri dan sebelah kanan peti juga dipamerkan dengan poster-poster kempen C.A.R.E. dalam bahasa Melayu dengan slogan 'Ubat Awda, Tanggungjawab Awda' serta dalam bahasa Inggeris dengan slogan 'Your Medicine, Your Responsibility'. Ini menjadikan peti ini bukan sekadar tempat pemulangan ubat, tetapi secara langsung juga turut berfungsi sebagai alat penyebaran mesej kempen kepada sesiapa yang menggunakannya.

Impak dan kesan kempen

Secara keseluruhannya, respon awal menunjukkan bahawa Kempen C.A.R.E. berjaya menarik perhatian dan minat orang ramai yang bukan sahaja ingin lebih mengetahui serta mengubah tindakan kepada lebih bertanggungjawab, tetapi juga untuk turut memainkan peranan dalam menyebarluaskan lagi inisiatif seperti Kempen C.A.R.E.

Dalam jangka panjang, Kempen C.A.R.E. dihasratkan menyumbang kepada keselamatan isi rumah, pengurangan risiko penyalahgunaan ubat dan perlindungan kesihatan awam dan alam sekitar. Bagi ubat antimikrob pula, pemulangan dan pelupusan melalui saluran yang berkaitan dan diluluskan merupakan salah satu amalan yang bertanggungjawab yang dapat menyokong dalam usaha menangani pencemaran farmaseutikal dan kerintangan antimikrob (AMR).

Dari sudut alam sekitar, setiap tindakan memulangkan ubat mansuh ke kaunter farmasi boleh membantu memberikan impak dan kesan yang baik dalam mengurangkan risiko bahan kimia farmaseutikal memasuki sumber air dan ekosistem semula jadi.

Kesimpulan

Adalah diharapkan inisiatif seperti ini dapat dikembangkan dengan lebih meluas lagi demi menyumbang kepada kesihatan awam dan pemeliharaan alam sekitar negara secara berterusan. Kesedaran sahaja sebenarnya belum mencukupi. Kempen C.A.R.E. ini bukan sekadar untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran awam, tetapi turut memberi ruang dalam mewujudkan sikap bertanggungjawab dan satu budaya amalan yang baik dalam kalangan masyarakat.

6 TENTERA VIETNAM MAUT SELEPAS KENDERAAN TEMPUR INFANTRI TENGGELAM

HANOI, 15 Nov. - Enam anggota tentera Vietnam maut selepas kenderaan tempur infantri buatan Soviet yang dinaiki mereka tenggelam ketika menjalani latihan ketenteraan di wilayah Bac Ninh, utara negara itu, menurut Kementerian Pertahanan Negara pada Sabtu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Kemalangan itu berlaku kira-kira 8.25 pagi (0125 GMT) pada Khamis di Lapang Sasar Kebangsaan TB1 di Komun Bien Son.

Menurut kementerian itu, kenderaan berperisai BMP-1 buatan Soviet milik Rejimen Ke-102, Divisyen Ke-308, Kor Tentera Ke-12 mengalami masalah ketika menjalani latihan kesiapsiagaan tempur sebelum tenggelam, mengorbankan kesemua enam kru di dalamnya.

Tiada maklumat lanjut mengenai punca kemalangan itu diperoleh setakat ini. Anggota tentera yang terkorban dianugerahkan pingat penghormatan selepas kematian mereka. BMP-1 ialah kenderaan tempur infantri yang diperkenalkan oleh Kesatuan Soviet pada 1960-an.

Kenderaan itu direka dengan keupayaan amfibia, membolehkannya merentasi sungai dan halangan air lain dengan menggunakan rantai runut sebagai sistem pendorong di dalam air.

Kenyataan kementerian itu tidak menyatakan sama ada kenderaan berkenaan sedang menyeberangi sungai, beroperasi di tasik atau digunakan untuk latihan dalam persekitaran lain. Kementerian itu juga tidak menjelaskan punca kenderaan berkenaan tenggelam.

Kenderaan amfibia boleh tenggelam jika air memasuki badan kenderaan, contohnya akibat kerosakan pada pengedap atau kegagalan sistem yang digunakan untuk merentasi kawasan berair.

Insiden itu boleh menimbulkan persoalan lebih luas mengenai kebergantungan berterusan Vietnam terhadap peralatan ketenteraan lama, khususnya dari segi usia, penyelenggaraan dan kesiapsiagaan operasi armada kenderaan berperisainya.

Tiada maklumat segera mengenai usia kenderaan yang tenggelam itu atau sama ada masalah berkaitan keadaannya menyumbang kepada kemalangan berkenaan. - ©BERNAMA

Ribuan protes di Paris terhadap kenaikan harga barang dan keganasan polis

MOSCOW, 15 Nov. - Ribuan orang turun ke jalanan di Paris bagi membantah kenaikan harga barang dan keganasan polis pada Sabtu, lapor Sputnik/RIA Novosti. Penunjuk perasaan memulakan perarakan di Place de la Republique sebelum bergerak menuju ke Place de la Nation.

Mereka membawa sepanduk dan bendera manakala seorang peserta demonstrasi memukul dram bagi mengiringi rentak perarakan. Pada Jumaat, Menteri Dalam Negeri Perancis Laurent Nunez berkata kira-kira 50 hingga 60 siriprotes dijangka berlangsung di seluruh negara pada 14 Nov.

Protes di Perancis bermula pada pertengahan September apabila pelajar sekolah menengah di kawasan pinggir bandar Paris turun ke jalanan bagi menuntut penambahbaikan terhadap sekolah mereka. Mereka kemudian disertai golongan yang tidak berpuas hati dengan kenaikan harga barang, sebelum demonstrasi itu merebak ke wilayah lain.

Demonstrasi terbesar di seluruh negara berlangsung pada 17 Okt. Menurut Kementerian Dalam Negeri, kira-kira 550,000 orang mengambil bahagian dalam demonstrasi itu.

Pasukan penguat kuasa undang-undang Perancis menggunakan gas pemedih mata, bom tangan pegun dan meriam air terhadap penunjuk perasaan. - ©BERNAMA

AS : Kapal tangki, kapal persiaran berlanggar di Sungai Mississippi

NEW YORK, 14 Nov. - Sebuah kapal tangki berlanggar dengan kapal persiaran sungai yang sedang berlabuh di Sungai Mississippi berhampiran Pelabuhan New Orleans, Amerika Syarikat (AS) pada Jumaat, lapor Xinhua.

Menurut pegawai, perlanggaran yang berlaku kira-kira 12.30 tengah hari waktu tempatan itu menyebabkan kapal persiaran berkenaan terbalik, sekali gus mencetuskan operasi menyelamat secara besar-besaran.

Kira-kira 129 penumpang berada di atas kapal itu ketika kejadian.

Datuk Bandar New Orleans Helena Moreno pada sidang media berkata seramai 32 penumpang dibawa ke hospital untuk menerima rawatan dan tiada seorang pun berada dalam keadaan kritikal.

Moreno berkata tiada penumpang dilaporkan hilang selepas perlanggaran itu.

Menurut Moreno, kapal tangki yang dikenal pasti sebagai Atlantic Asphalt itu hilang kawalan sebelum merempuh kapal persiaran yang digerakkan oleh roda kayuh berkenaan. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 24 maut dalam kemalangan libatkan bas dan lori di Republik India

NEW DELHI, 14 Nov. - Sekurang-kurangnya 24 orang maut apabila sebuah bas bersaiz kecil berlanggar dengan sebuah lori di negeri Assam, timur laut Republik India pada Jumaat, menurut pegawai, lapor Agensi Berita Jerman (DPA).

Menteri negeri Atul Bora memberitahu pemberita bahawa sekurang-kurangnya 11 orang turut cedera dalam kemalangan yang berlaku di lebuh raya berhampiran Taman Negara Kaziranga. Beliau berkata ramai mangsa merupakan murid sekolah.

Kira-kira 35 orang termasuk pemandu berada di dalam bas berkenaan, menurut laporan akhbar harian Republik India, Hindustan Times dan media lain yang memetik kenyataan polis.

Hindustan Times memetik seorang mangsa yang terselamat sebagai berkata bas itu penuh sesak dan beberapa penumpang berdiri di lorong antara tempat duduk.

Menurut laporan media, pegawai mengesyaki bas itu dipandu terlalu laju sebelum terbabas daripada laluannya dan berlanggar dengan lori yang datang dari arah bertentangan.

Pemandu lori dan penumpangnya dilaporkan terselamat tetapi mengalami kecederaan. - ©BERNAMA

Risiko cuaca bayangi bekalan lada global, harga dijangka kukuh namun tidak menentu pada 2027

PHNOM PENH, 14 Nov. - Corak cuaca yang tidak menentu di kawasan penanaman lada mengancam bekalan komoditi itu dan boleh menyebabkan turun naik harga dalam pasaran yang dijangka kekal kukuh pada 2027.

Komuniti Lada Antarabangsa (IPC) menganggarkan pengeluaran lada global sekitar 530,000 tan metrik pada tahun ini, namun prospek bagi 2027 masih tidak menentu, sebahagian besarnya disebabkan kesan fenomena El Nino dan perubahan iklim.

Pengeluaran lada global berjumlah 552,635 tan metrik pada tahun lepas.

"Saya menjangkakan pasaran lada global kekal agak kukuh, namun semakin sensitif terhadap gangguan bekalan akibat cuaca. Kita sedang menyaksikan keadaan cuaca yang mencabar di seluruh kawasan pengeluaran, termasuk hujan berpanjangan, risiko kemarau dan peningkatan suhu.

"Keadaan ini boleh menjejaskan proses pembungaan, kesihatan tanaman, hasil tanaman dan kos penanaman. Bagaimanapun, kita memerlukan penilaian sebenar terhadap tanaman sebelum dapat menentukan jumlah kerugian pengeluaran," kata Pengarah Eksekutif IPC yang berpangkalan di Jakarta, Marina Novira Anggraini kepada Bernama di luar "Cambodia Cashew and Pepper Trade Forum" yang berlangsung di Phnom Penh dari 10 hingga 12 November lepas.

Pengeluar utama lada hitam dan lada putih, iaitu Brazil, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Sosialis Viet Nam, Republik India, Sri Lanka dan Kemboja, sedang mengalami keadaan cuaca buruk yang boleh menjejaskan hasil tanaman.

Menurut Spices Board India, pengeluaran lada hitam merosot dengan ketara dalam tempoh dua tahun akibat masalah berkaitan cuaca.

Output lada hitam menurun daripada 126,038 tan metrik pada 2023-2024 kepada 77,533 tan metrik pada 2024-2025.

Lembaga itu menganggarkan pengeluaran hanya sekitar 55,000 hingga 58,000 tan metrik pada 2025-2026.

"Menjelang musim menuai di Karnataka yang dijangka bermula antara Januari hingga Februari 2027, kami secara berhati-hati menjangkakan pemulihan sederhana, bukannya lonjakan besar dalam pengeluaran.

"Kami mengunjurkan pengeluaran lada India pada 2027 akan stabil atau mencatatkan pemulihan sederhana antara lima hingga 10 peratus berbanding paras 2026, tertakluk kepada keadaan cuaca yang baik sepanjang proses buah lada menjadi masak pada musim sejuk," kata Pengerusi Persatuan Peladang Karnataka M.C. Kariappa kepada Bernama dari negeri di selatan Republik India itu.

Beliau berkata di Karnataka, yang menyumbang kira-kira 60 peratus daripada jumlah hasil tuaian lada di Republik India, petani telah menggunakan kaedah agronomi bagi mengatasi tempoh kemarau berturut-turut yang dikaitkan dengan El Nino serta musim monsun yang tidak menentu.

"Ladang - ladang telah memperluas sistem pengairan titis bagi membekalkan kelembapan yang amat diperlukan oleh tanaman ketika musim pramonsun lewat tiba pada April dan Mei. Langkah ini penting bagi memastikan pembentukan tangkai bunga secara seragam serta mengelakkan buah lada gugur," kata Kariappa.

Asia Tenggara juga tidak terkecuali daripada masalah berkaitan iklim.

Persatuan Lada dan Rempah Viet Nam memaklumkan bahawa negara itu mengeksport kira-kira 237,700 tan metrik komoditi berkenaan dari Januari hingga Oktober, bernilai lebih AS$1.53 bilion (RM6.25 bilion).

Bagaimanapun, persatuan itu memberi amaran bahawa eksport lada mungkin berdepan cabaran lebih besar pada 2027.

"Konflik berpanjangan dan keadaan cuaca buruk yang menjejaskan bekalan global mungkin menyukarkan sektor itu mengekalkan momentum pertumbuhan tahun ini," menurut laporan portal berita Republik Sosialis Viet Nam, Nhan Dan pada Khamis.

Republik Indonesia mengeluarkan kira-kira 50,000 tan metrik lada setahun, manakala negara jirannya, Malaysia, menghasilkan hampir 32,000 tan metrik.

Menurut data IPC, harga lada hitam Brazil setakat November 2026 berada pada sekitar AS$5,700 (RM23,289) setan metrik, manakala lada hitam Malaysia (ASTA) berharga AS$9,100 (RM37,180) setan metrik.

"Pasaran dijangka kekal kukuh tetapi berpotensi mengalami turun naik harga pada 2027. Jika gangguan cuaca mengurangkan bekalan yang boleh dieksport, harga mungkin meningkat. Bagaimanapun, hasil tuaian yang lebih tinggi dan pembelian secara berhati-hati boleh mengehadkan kenaikan itu.

"Mesej saya bagi 2027 ialah melindungi ladang yang produktif, meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan memastikan pulangan yang berdaya maju dari segi ekonomi kepada penanam adalah sama pentingnya dengan mengekalkan pertumbuhan eksport," kata Marina.

Penilaian IPC itu dibuat ketika Republik Indonesia sedang bersiap sedia menjadi tuan rumah Sesi Tahunan dan Mesyuarat Komuniti Lada Antarabangsa ke-54 dari 30 November hingga 4 Disember di Bali.

Permintaan terhadap lada terus meningkat secara stabil apabila komoditi itu semakin banyak digunakan dalam produk nilai tambah seperti aiskrim, serbuk sup, coklat dan minuman.

Pasaran lada hitam global dianggarkan bernilai AS$3.6 bilion (RM15 bilion) pada tahun ini dan diunjurkan mencecah AS$5.14 bilion (RM21 bilion) menjelang 2035. - ©BERNAMA

DBM RANGKUL PINGAT EMAS, TEWASKAN MS ABDB 1 - 0

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman





PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei hadir menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang dan seterusnya bergambar ramai (atas kiri dan atas), manakala gambar bawah, sebahagian aksi perlawanan.

BERAKAS, Sabtu, 14 November. - Kontinjen Daerah Brunei dan Muara (DBM) terus mengukuhkan kedudukan dalam saingan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-V (SKBD Ke-V), Tahun 2026 apabila berjaya merangkul pingat emas dalam acara bola sepak selepas menewaskan pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dengan keputusan 1 - 0, yang berlangsung semalam.

Kemenangan tersebut diraih pada perlawanan akhir yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini, sekali gus mengesahkan DBM sebagai juara bagi acara berkenaan.

Muhammad Akram Waqeel muncul wira Pasukan DBM apabila berjaya menjaringkan gol tunggal pada separuh masa pertama, sekali gus menjadi penentu kemenangan pasukannya.

Perlawanan akhir berkenaan menyaksikan kedua-dua pasukan mempamerkan aksi bertenaga dengan saling melancarkan serangan dalam usaha memburu jaringan. Bagaimanapun, kelebihan satu gol DBM kekal sehingga wisel penamat dibunyikan.

Walaupun berusaha untuk menyamakan kedudukan, MS ABDB gagal menembusi benteng pertahanan DBM sehingga wisel penamat dibunyikan.

Hadir menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Kejayaan tersebut turut melengkapkan rekod cemerlang DBM sepanjang kejohanan apabila menamatkan saingan di kedudukan teratas carta dengan mengumpul 12 mata selepas memenangi kesemua empat perlawanan.

DBM juga mencatatkan 27 jaringan gol dan hanya dibolosi dua gol, sekali gus menghasilkan perbezaan jaringan sebanyak 25 gol.

Sementara itu, kontinjen Daerah Tutong berjaya meraih pingat perak dengan kelebihan jaringan walaupun berkongsi enam mata bersama MS ABDB yang terpaksa berpuas hati dengan pingat gangsa.

Turut hadir menyaksikan perlawanan akhir tersebut, Pegawai DBM, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim serta wakil-wakil pegawai daripada kontinjen yang bertanding.





SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat menyertai Glow Walk for Diabetes 2026.

Pupuk kebersamaan ke arah kehidupan lebih sihat

Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 November. - Dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan pencegahan dan pengesanan awal penyakit diabetes, Kementerian Kesihatan malam tadi mengadakan acara Glow Walk for Diabetes 2026 bersempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2026 yang berlangsung di Dermaga Diraja, di ibu negara, di sini.

Acara yang mengetengahkan tema Hari Diabetes Sedunia 2026, 'Tindakan Awal Terhadap Diabetes' (Early Action on Diabetes) itu antara lain bertujuan untuk menggalakkan masyarakat agar lebih peka terhadap faktor risiko penyakit diabetes, di samping membudayakan amalan gaya hidup sihat dan aktif dalam kehidupan seharian.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Dasar) Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; serta para pegawai kanan Kementerian Kesihatan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan sesi memanaskan badan yang disertai oleh para peserta sebelum acara utama, iaitu pelepasan peserta Glow Walk for Diabetes 2026 sejauh tiga kilometer yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Acara berjalan kaki pada sebelah malam itu bukan sahaja memberikan peluang kepada para peserta untuk melakukan aktiviti fizikal secara santai, malah turut menjadi platform bagi mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat ke arah mengamalkan kehidupan yang lebih sihat.

Selain acara berjalan kaki, pelbagai aktiviti sampingan turut diadakan, termasuk pameran pendidikan kesihatan dan pemeriksaan kesihatan yang memberikan peluang kepada orang ramai untuk mendapatkan maklumat berkaitan penyakit diabetes, faktor risiko, langkah pencegahan serta kepentingan menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Melalui aktiviti berkenaan, para pengunjung berpeluang meningkatkan pengetahuan mengenai kepentingan mengawal pemakanan, melakukan aktiviti fizikal secara konsisten, mengekalkan berat badan yang sihat serta mengambil langkah awal bagi mengurangkan risiko menghidap Diabetes Jenis 2.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian sumbangan berjumlah BND1,350 kepada Tabung Amanah Bantuan Pesakit (TABP) sebagai sebahagian daripada usaha menyokong kebajikan dan kesejahteraan pesakit yang memerlukan bantuan.

Penganjuran Glow Walk for Diabetes 2026 dikelolakan oleh Unit Endokrin, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Limin Cardio Fitness, merupakan antara inisiatif dalam memperkukuh usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penyakit diabetes, khususnya mengenai kepentingan pengesanan awal, pencegahan dan pengurusan penyakit berkenaan secara berkesan.

Sambutan Hari Diabetes Sedunia yang diraikan pada setiap 14 November merupakan platform penting dalam meningkatkan kesedaran global mengenai penyakit diabetes serta menggalakkan tindakan bersama ke arah pencegahan, pengesanan awal dan pengurusan penyakit berkenaan.

Melalui penganjuran acara seumpama ini, dihasratkan agar masyarakat akan terus mengambil pendekatan proaktif dalam menjaga kesihatan, menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala dan menjadikan aktiviti fizikal sebagai sebahagian daripada rutin kehidupan seharian demi meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya.

SKBD KUATKAN PERPADUAN, SEMARAKKAN SEMANGAT KESUKANAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 November. - Sepanjang temasya Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) berlangsung, pelbagai detik kemeriahan dan semangat kesukanan telah disaksikan, sekali gus mencetuskan gelombang positif dalam kalangan masyarakat di keempat-empat daerah, khususnya para atlet, pasukan dan kontinjen yang bertanding.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dalam ucapannya semasa Majlis Penutupan Rasmi Kejohanan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, malam tadi, menjelaskan bahawa suasana sepanjang temasya berkenaan bukan sahaja membangkitkan semangat kebanggaan dan persaingan sihat dalam kalangan atlet, malah turut membuka ruang kepada pembentukan jalinan hubungan serta persahabatan baharu yang memperkukuh perpaduan masyarakat.

Menurutnya, perkara tersebut adalah selaras dengan tema SKBD, iaitu 'Bersama Mengejar Kegemilangan'.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya menjelaskan bahawa penganjuran SKBD bertujuan menggalakkan daya saing serta memberikan pendedahan kepada atlet tempatan terhadap suasana pertandingan sebenar.

Melalui platform berkenaan, para atlet berpeluang mengukur dan menguji tahap prestasi masing-masing, sekali gus menjadikannya sebagai pembakar semangat dan batu loncatan untuk mencapai kecemerlangan yang lebih tinggi.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menegaskan bahawa momentum kejayaan yang telah dicapai sepanjang temasya berkenaan tidak seharusnya terhenti setakat itu sahaja.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menyeru semua persatuan sukan, barisan kejurulatihan, atlet serta pihak berkepentingan untuk menjadikan pencapaian tersebut sebagai landasan kukuh bagi terus melangkah ke hadapan melalui usaha berterusan, kesinambungan program pembangunan yang terancang serta komitmen yang lebih tinggi dalam meningkatkan mutu prestasi atlet negara.

Yang Berhormat turut menekankan kepentingan latihan yang konsisten, penilaian prestasi secara menyeluruh dan persiapan yang lebih sistematik bagi menghadapi kejohanan akan datang, khususnya Sukan Asia Tenggara (SEA Games) Ke-34 yang akan berlangsung di Malaysia pada tahun 2027.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap pada majlis berkenaan.

Majlis Penutupan Rasmi SKBD Ke-V raikan kecemerlangan atlet



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan hadiah kepada pemenang pada Majlis Penutupan Rasmi Kejohanan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 November. - Kejohanan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026 yang bermula secara rasmi pada 8 November lalu, melabuhkan tirainya hari ini dengan Majlis Penutupan Rasmi yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penutupan rasmi kejohanan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja SKBD Ke-V, Tahun 2026; Timbalan Setiausaha Tetap; pengarah-pengarah dan ketua-ketua jabatan di kementerian berkenaan; pegawai-pegawai daerah; Yang Dipertua dan Setiausaha Agung Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan; ketua-ketua kontinjen; pegawai-pegawai teknikal; pegawai-pegawai dari agensi kerajaan dan swasta; serta para atlet kontinjen termasuk atlet legenda negara.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Allah Peliharakan Sultan, diikuti dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Pegawai Penganalisa Sukan, Awang Haji Ahmad Yaardy bin Haji Abdul Karim, sebelum diteruskan dengan ucapan daripada tetamu kehormat.

Bagi menghargai sumbangan dan sokongan pelbagai pihak, tetamu kehormat seterusnya menyempurnakan penyampaian cenderamata penghargaan kepada ketua-ketua kontinjen, pegawai-pegawai teknikal dan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan serta sijil penghargaan kepada sukarelawan, sukarelawan perubatan dan para penaja SKBD Ke-V, Tahun 2026.

Penyampaian berkenaan merupakan tanda penghargaan atas sumbangan dan komitmen mereka sebagai rakan strategik yang turut memainkan peranan penting dalam menjayakan penganjuran kejohanan tersebut.

Kemuncak majlis ialah penyampaian anugerah berprestij kejohanan, iaitu Anugerah Olahragawan dan Olahragawati SKBD Ke-V, Tahun 2026.

Anugerah Olahragawan dinobatkan kepada Asher Nathan Liw Yiu Zhun, atlet renang dari Kontinjen Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD), manakala Anugerah Olahragawati pula dianugerahkan kepada Dayang Sharmeen binti Mohd. Mharvin, yang juga atlet renang dari kontinjen yang sama.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada kontinjen yang mencapai kedudukan terbaik dalam kejohanan.

Kontinjen MS SSBD muncul johan SKBD Ke-V, Tahun 2026 dengan kutipan 45 pingat emas, 22 pingat perak dan 25 pingat gangsa.

Naib johan disandang oleh kontinjen Daerah Brunei dan Muara dengan 27 pingat emas, 34 pingat perak dan 28 pingat gangsa, manakala tempat ketiga menjadi milik kontinjen Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dengan kutipan 21 pingat emas, lapan pingat perak dan 20 pingat gangsa.

Para hadirin turut menyaksikan tayangan video imbasan SKBD Ke-V, Tahun 2026 yang memaparkan kembali detik-detik manis, semangat perjuangan serta pencapaian para atlet sepanjang kejohanan berlangsung.

Majlis diakhiri dengan pengisytiharan penutupan rasmi SKBD Ke-V, Tahun 2026 oleh tetamu kehormat.

Secara keseluruhannya, penganjuran SKBD bukan sahaja menjadi medan mencungkil bakat dan meningkatkan prestasi atlet tempatan sebagai persediaan mewakili negara ke peringkat serantau dan antarabangsa, malah turut berperanan sebagai wadah penting dalam memupuk perpaduan, memperkukuh kerjasama serta membudayakan gaya hidup sihat ke arah melahirkan masyarakat yang produktif dan negara yang makmur.

Pertandingan Pencak Silat SKBD Ke-V melabuh tirai

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Jumaat, 13 November. - Pertandingan Pencak Silat sempena Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026, melabuhkan tirainya dengan perlawanan peringkat akhir yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Pertandingan akhir berkenaan menyaksikan empat pertemuan bagi VIP Game yang memperlihatkan persaingan sengit antara para pesilat daripada kontinjen yang bertanding.

Bagi Kelas D, perlawanan mempertemukan kontinjen Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) menentang Daerah Tutong membuahkan hasil setelah muncul juara dalam Kategori Lelaki Remaja yang diwakili oleh Awang Muhammad Khairul Hafiy bin Muhd. Haddi.

Manakala bagi Kategori Kelas A - Wanita Dewasa, Dayang Fatin Hazirah binti Muhidi, juga dari kontinjen MS SSBD, berjaya meraih gelaran juara.

Sementara itu, bagi kategori Kelas E - Lelaki Dewasa, menyaksikan kontinjen MS PPDB yang diwakili oleh APO 7292 Nazirul Faiz bin Bahrin dinobatkan sebagai juara setelah menewaskan kontinjen dari Daerah Belait.

Manakala bagi Kategori Berpasukan (3x3), perlawanan akhir berpihak kepada Pasukan MS SSBD ketika muncul juara selepas menewaskan Pasukan Daerah Tutong.

Perlawanan akhir tersebut menyaksikan para pesilat memperlihatkan kemahiran, ketangkasan serta strategi masing-masing dalam usaha memburu kemenangan, sekali gus memberikan saingan menarik kepada para penonton yang hadir.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan pertandingan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Pencak silat merupakan seni bela diri tradisional nusantara yang menggabungkan unsur seni, pertahanan diri, ketangkasan dan disiplin. Sukan berkenaan bukan sahaja menguji keupayaan fizikal dan kemahiran teknikal para pesilat, malah turut memupuk semangat keberanian, keyakinan diri serta menghormati lawan.

Atur cara malam tadi turut diserikan dengan Persembahan Penutup Gelenggang dan Perarakan Keris sebagai simbolik penutup acara Pencak Silat bagi SKBD Ke-V, Tahun 2026.

Sukan pencak silat adalah antara acara yang dipertandingkan dalam SKBD Ke-V, Tahun 2026, penganjuran pertandingan berkenaan diharap akan terus menyemarakkan perkembangan sukan pencak silat di negara ini, di samping melahirkan atlet yang berpotensi serta memupuk semangat kesukanan, disiplin dan perpaduan dalam kalangan peserta.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang.

PELITA BRUNEI

SUKAN

ePaper Pelita Brunei

KAYUHAN BERBASIKAL PROMOSI MUKIM LABU

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TEMBURONG, Ahad, 15 November. - Semangat kesukanan dan keprihatinan terhadap kebajikan masyarakat terus disemarakkan menerusi penganjuran Acara Berbasikal bagi Mengutip Sumbangan Tabung Bantuan Daerah Temburong anjuran Jabatan Daerah Temburong yang berlangsung di kawasan BIBD Connects, Labu Square, Mukim Labu, hari ini.

Acara yang disertai oleh lebih 50 pengayuh basikal itu merupakan antara inisiatif untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dan memperkukuh semangat perpaduan khususnya dalam kalangan warga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), jabatan-jabatan di bawahnya, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta penduduk Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyertai kayuhan berkenaan ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau; Setiausaha-setiausaha Tetap KHEDN, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, ketua-ketua jabatan di bawah KHEDN, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim, pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku ketua-ketua kampung, ketua-ketua cawangan jabatan kerajaan di Daerah Temburong serta para dermawan.

YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat dan menyertai kayuhan berkenaan.



Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa, diikuti dengan taklimat keselamatan serta penerangan mengenai laluan berbasikal sebelum para peserta memulakan kayuhan sejauh 6.8 kilometer dari BIBD Connects, Labu Square menuju ke Taman Rekreasi dan Peranginan Arrurbada (Arrurbada Impian), Mukim Labu.

Setibanya di Arrurbada Impian, Yang Berhormat dan para peserta berpeluang mengadakan lawatan ke kawasan berkenaan bagi melihat sendiri potensi kawasan tersebut sebelum meneruskan kayuhan kembali ke BIBD Connects, Labu Square.

Arrurbada Impian, Mukim Labu mula diusahakan sejak penghujung bulan November 2025 sebagai salah satu inisiatif untuk menyediakan ruang rekreasi, riadah dan aktiviti santai kepada orang ramai.

Sehingga kini, pelbagai kemudahan dan kegiatan telah disediakan, antaranya kawasan *glamping*, junjung dan pondok rehat, Arrurbada Trail, kegiatan memancing, berkayak serta aktiviti riadah dan santai.

Penganjuran acara tersebut antara lain bertujuan mengumpul sumbangan bagi Tabung Bantuan Daerah Temburong yang akan disalurkan kepada penduduk kampung yang memerlukan, sekali gus menyemai nilai keprihatinan, kemurahan hati dan tanggungjawab sosial dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, acara berkenaan turut menjadi platform untuk mempromosikan Mukim Labu sebagai salah satu kawasan yang berpotensi untuk aktiviti riadah, rekreasi dan kemasyarakatan.

Melalui penganjuran aktiviti seumpama ini, bukan sahaja amalan gaya hidup sihat dapat dipupuk, malah semangat kebersamaan dan budaya saling membantu dalam kalangan masyarakat akan terus diperkukuh demi kesejahteraan penduduk Daerah Temburong.

BSU Diva Bowlers, Mujahid Strike juarai Kejohanan Tenpin Boling

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 November. - Pasukan BSU Diva Bowlers (JPI 2) bagi Kategori Perempuan dan Pasukan Mujahid Strike (Bahagian Pendidikan Umum Pendidikan Islam) bagi Kategori Lelaki muncul juara pada Kejohanan Tenpin Boling sempena Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal bertempat di iBowl Utama Bowling, Batu Satu, hari ini.

Terdahulu, hadir bagi membuat lontaran pembukaan ialah Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad.

Sempena Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal, pelbagai aktiviti telah diungkayahkan bagi memeriahkan sambutan bersejarah tersebut, termasuk beberapa acara kesukanan seperti futsal, badminton dan bola jaring.

Pengisian seumpama ini bukan sahaja memberikan peluang kepada para peserta untuk bergiat aktif dalam bidang sukan, malah turut menggalakkan amalan gaya hidup sihat serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga kesihatan dan kecergasan fizikal.

Sehubungan itu, bagi meneruskan pengisian aktiviti kesukanan berkenaan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah menganjurkan Kejohanan Tenpin Boling yang melibatkan penyertaan jabatan-jabatan dan institusi-institusi di bawah KHEU serta beberapa jabatan dan institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pendidikan.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.



Kejohanan ini antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk semangat kesukanan serta memperkukuh perpaduan dan kerjasama dalam kalangan peserta.

Pertandingan tersebut merupakan sebahagian daripada kejohanan yang telah bermula pada 16 Oktober 2026, dengan penyertaan sebanyak 88 pasukan yang terdiri daripada 46 pasukan lelaki dan 42 pasukan perempuan.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Penganjuran kejohanan ini turut mencerminkan semangat kebersamaan dan kerjasama antara warga kedua-dua kementerian dalam menjayakan pengisian Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal, selaras dengan temanya iaitu 'Ukhuwah Kukuh, Pendidikan Teguh'.